


DUTI SETEM
BERBAYAR



IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur

SIJIL IKHLAS FLEXI-EB TAKAFUL

NO SIJIL TAKAFUL INDUK: GFL00087CI

Sijil Takaful Induk ini telah dikuatkuasa dengan **TAKAFUL IKHLAS BERHAD** (selepas ini dipanggil "pihak Syarikat") oleh **YAYASAN GURU MALAYSIA BERHAD** dan ahli yang diberi perlindungan (selepas ini dipanggil "Pemegang Sijil Takaful Induk") dan segala cadangan dan pengisytiharan yang diserahkan oleh Pemegang Sijil Takaful Induk dan Orang Yang Dilindungi, akan menjadi asas Sijil Takaful Induk ini dan dianggap termaktub di dalamnya.

Sebagai balasan terhadap Sumbangan Takaful yang diterima dalam tempoh yang dipersetujui bersama di antara pihak Syarikat dan Pemegang Sijil Takaful Induk, adalah dengan ini dipersetujui dan diisytiharkan bahawasanya, tertakluk kepada terma-terma dan peruntukan-peruntukan di dalam Sijil Takaful ini atau pernyataan yang terdapat di dalam sebarang endosmen ke atas Sijil Takaful ini, pihak Syarikat akan membayar kepada Pemegang Sijil Takaful Induk manfaat takaful daripada Dana Risiko seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama setelah Pemegang Sijil Takaful Induk memberi bukti yang munasabah dan memuaskan kepada pihak Syarikat mengenai berlakunya peristiwa-peristiwa di mana manfaat tersebut perlu dibayar.

Sijil Takaful Induk ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang tertera di dalam Jadual-jadual di dalam Sijil Takaful ini atau kepada sebarang syarat-syarat dan peruntukan-peruntukan yang diendos atau ditulis selepas itu atau pada helaian yang dikepil dan ditandatangani bagi pihak Syarikat oleh pegawai yang diberi kuasa oleh pihak Syarikat sebagai relatif kepada atau terkandung di dalam Jadual-jadual tersebut.

Sijil Takaful Induk ini telah ditandatangani di Kuala Lumpur pada tarikh Sijil Takaful dikeluarkan seperti yang tercatat di dalam Jadual Pertama untuk dan bagi pihak Syarikat.

KAMARUL HISHAM BIN ABDUL HADI
Ketua, Operasi Takaful Keluarga

NAZRUL HISHAM BIN ABDUL HAMID
Wakil Pegawai Rasmi

ISI KANDUNGAN

JADUAL PERTAMA	4
JADUAL KEDUA	6
PERUNTUKAN-PERUNTUKAN SIJIL TAKAFUL INDUK	6
1. DEFINISI	6
2. KELAYAKAN	8
3. TARIKH EFEKTIF PERLINDUNGAN BAGI SETIAP INDIVIDU	8
4. PENGUNDERAITAN	8
5. BUKTI KESIHATAN	8
6. MANFAAT BOLEH DIBAYAR	9
7. SIJIL TAKAFUL MATANG	9
8. PENGURUSAN SUMBANGAN TAKAFUL	9
9. KEADAAN SEDIA WUJUD	10
10. TEMPOH BERTENANG (HAK UNTUK PEMBATALAN)	11
11. SERAHAN SIJIL TAKAFUL INDIVIDU	11
12. PENYERAHAN HAK	11
13. PENGUATKUASAAN SEMULA	11
14. PENAMATAN PERLINDUNGAN TAKAFUL	12
JADUAL KETIGA	13
PERUNTUKAN AM	13
1. SIJIL TAKAFUL INDUK	13
2. PINDAAN TERHADAP SIJIL TAKAFUL INDUK	13
3. PENGECUALIAN KE ATAS KEMATIAN	13
4. REKOD	14
5. KEGAGALAN MEMBAYAR	14
6. PEMBAYARAN SUMBANGAN TAKAFUL TERTUNGGAK	14
7. PEMFAILAN BUKTI TUNTUTAN	14
8. PEMBAYARAN TUNTUTAN	15
9. PENAMATAN SIJIL TAKAFUL INDUK	15
10. SALAH NYATA UMUR	15
11. PENIPUAN DAN SALAH KENYATAAN	15
12. SYARAT TERDAHULU	15
13. SUMBANGAN TAKAFUL TAMBAHAN	16
14. PENAMA	16
15. HIBAH	16
16. OPSYEN PERTUKARAN DAN PENERUSAN PERLINDUNGAN	16
17. UNDANG-UNDANG DAN TAFSIRAN	17
18. CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN	17
19. ADUAN	17
JADUAL KEEMPAT	18
PERUNTUKAN KEILATAN KEKAL DAN MENYELURUH	18
1. TAKRIF KEILATAN KEKAL DAN MENYELURUH	18
2. PEMBAYARAN MANFAAT TAKAFUL	19
3. PENGECUALIAN RISIKO	19
4. NOTIS DAN BUKTI TUNTUTAN	20
5. PENAMATAN	21

JADUAL KELIMA	22
MANFAAT PENYAKIT KRITIKAL PRA-BAYAR	22
1. DEFINISI.....	22
2. PEMBAYARAN MANFAAT TAKAFUL	22
3. PENGECUALIAN RISIKO	22
4. PENYAKIT KRITIKAL YANG DILINDUNGI	23
5. NOTIS DAN BUKTI TUNTUTAN	33
6. PENAMATAN.....	34
JADUAL KEENAM	35
MANFAAT HOSPITAL	35
1. DEFINISI.....	35
2. PEMBAYARAN MANFAAT TAKAFUL	35
3. PENGECUALIAN RISIKO	36
4. NOTIS DAN BUKTI TUNTUTAN	37
5. BUKTI PENGHOSPITALAN	37
6. PEMERIKSAAN PERUBATAN.....	37
7. PENAMATAN.....	38
JADUAL KETUJUH	39
KEILATAN SEPARA KEKAL (PPD)	39
1. DEFINISI.....	39
2. PEMBAYARAN MANFAAT TAKAFUL	39
3. JADUAL PAMPASAN	39
4. PENGECUALIAN RISIKO	41
5. NOTIS DAN BUKTI TUNTUTAN	42
6. PENAMATAN.....	42
JADUAL KELAPAN	43
MANFAAT PERBELANJAAN SERTA-MERTA KEMATIAN.....	43
1. DEFINISI	43
2. PEMBAYARAN MANFAAT TAKAFUL	43
3. PENAMATAN.....	43
LAMPIRAN 1: RINGKASAN MANFAAT TAKAFUL	44

IKHLAS®

JADUAL PERTAMA

NO SIJIL TAKAFUL INDUK: GFL00087CI

Sijil Asas Takaful	IKHLAS FLEXI-EB TAKAFUL	
Tarikh Permulaan	01/07/2018	
Pemegang Sijil Takaful Induk	YAYASAN GURU MALAYSIA BERHAD	
Alamat	NO. 301 & 302, LORONG SELANGOR TAMAN MELAWATI 53100 KUALA LUMPUR	
Orang Yang Dilindungi	Semua Ahli dan/atau Pasangan dan/atau Anak dan/ atau orang yang berkelayakan untuk menjadi Orang Yang Dilindungi di bawah Klausula 1.4 di dalam Jadual Kedua	
Manfaat Asas	Manfaat Takaful	Amaun Perlindungan / Unit
	• Kematian Semulajadi	RM 25,000
	• Kematian Akibat Kemalangan	RM 50,000
Manfaat Takaful Tambahan	Manfaat Takaful	Amaun Perlindungan / Unit
	• Keilatan Kekal dan Menyeluruh Semulajadi (Rujuk Jadual Keempat)	RM 25,000
	• Keilatan Kekal dan Menyeluruh Akibat Kemalangan (Rujuk Jadual Keempat)	RM 50,000
	• Perbelanjaan Serta-merta Kematian – Orang Yang Dilindungi (Rujuk Jadual Kelapan)	RM 2,000 (Tetap)
Jumlah Maksimum Unit	10 Unit	
Had Perlindungan Percuma	1 Unit	
Kadar Sumbangan Takaful	Sumbangan Takaful Bulanan sebanyak RM10.00 seunit.	
Tarikh Matang	Seperti tarikh yang dinyatakan di dalam Sijil Takaful Individu yang dikeluarkan kepada Orang Yang Dilindungi	
Kaedah Pembayaran	Bulanan	
Tarikh Sijil Takaful Induk Dikeluarkan	18/07/2018	

Rider-rider	Manfaat Takaful			Amaun Perlindungan / Unit
	• Penyakit Kritikal Pra-Bayar (Rujuk Jadual Kelima)			RM 25,000
	• Manfaat Hospital (Rujuk Jadual Keenam)			RM 25
	• Keilatan Separa Kekal Akibat Kemalangan (Rujuk Jadual Ketujuh)			RM 25,000
	• Perbelanjaan Serta-merta Kematian (Rujuk Jadual Kelapan) • Pasangan • Anak-anak			RM 2,000 RM 1,000
Syarat Kelayakan	Asas Hari Jadi Akan Datang			
		Kemasukan Umur Minima (tahun)	Kemasukan Umur Maksimum (tahun)	Umur Matang Maksimum (tahun)
	Ahli	18	59	60
	Pasangan	18	59	60*
	Anak	1	59	60*
Nota 1. *Tertakluk kepada umur 60 tahun atau umur kemasukan maksimum tambah tempoh perlindungan ahli, yang mana lebih rendah. 2. Jika IDE dilanjutkan kepada anak, umur maksimum adalah sehingga umur 18 belas tahun atau boleh dilanjutkan selagi anak seorang pelajar sepenuh masa.				

IKHLAS®

JADUAL KEDUA

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN SIJIL TAKAFUL INDUK

1. DEFINISI

Adalah dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui di antara pihak Syarikat dan Pemegang Sijil Takaful Induk bahawasanya bagi Sijil Takaful Induk ini:

- 1.1 **"Sijil Takaful Induk"** membawa maksud Sijil Takaful Induk ini, dan sebarang endosmen ke atasnya, serta sebarang perubahan dan pindaan kepadanya yang ditandatangani oleh pegawai Syarikat yang diberi kuasa, cadangan oleh Pemegang Sijil Takaful Induk, kesemua Jadual Tambahan dari masa ke semasa, borang cadangan asal, jika ada, Sijil Takaful Individu dan pengakuan lain yang dibuat oleh Orang Yang Dilindungi, jika ada.
- 1.2 **"Sijil Takaful Individu"** membawa maksud Sijil Takaful Individu untuk Skim ini yang dikeluarkan untuk Orang Yang Dilindungi yang berkaitan dengan Sijil Takaful Induk yang mengandungi maklumat Orang Yang Dilindungi (termasuk tetapi tidak terhad kepada Jadual Manfaat)
- 1.3 **"Pemegang Sijil Takaful Induk"** membawa bermaksud pihak seperti yang tertera di Jadual Pertama Sijil Takaful Induk ini. Hanya Pemegang Sijil Takaful Induk, semasa hayat Orang Yang Dilindungi boleh mempunyai kuasa, hak dan opsyen bagi kesemua perkara di bawah Sijil Takaful Induk ini.
- 1.4 **"Orang Yang Dilindungi"** membawa maksud seseorang:
 - i) yang memasuki perjanjian kontrak secara bertulis dengan Pemegang Sijil Takaful Induk; dan
 - ii) yang bekerja sepenuh masa atau menjadi ahli kepada Pemegang Sijil Takaful Induk di Malaysia atau di daerahnya di mana Pemegang Sijil Takaful Induk dan pihak Syarikat bersetuju dari masa ke semasa; dan
 - iii) yang mana umurnya tidak melebihi enam puluh lima (65) tahun kecuali diterima oleh pihak Syarikat secara bertulis; dan
 - iv) yang baginya, Sumbangan Takaful telah dibayar secara penuh di dalam tempoh yang ditetapkan;
- 1.5 **"Doktor"** membawa maksud pengamal perubatan yang berdaftar sepenuhnya berdasarkan Seksyen 14 Akta Perubatan 1971 (Akta 50) atau mana-mana undang-undang berkaitan bagi kes di mana Pengamal Perubatan beramal di luar Malaysia, tetapi tidak termasuk pengamal perubatan yang dirinya merupakan Orang Yang Dilindungi sendiri, suami atau isterinya, saudara mara, rakan perniagaan, rakan sekerja, rakan sekutu atau pekerja kepada/atau majikan kepada Orang Yang Dilindungi.
- 1.6 **"Skim"** membawa maksud Skim **"IKHLAS Flexi-EB Takaful"**.
- 1.7 **"Jadual Manfaat"** membawa maksud maklumat individu dan manfaat untuk setiap Orang Yang Dilindungi selepas proses pengunderaitan Syarikat dan tertakluk kepada pembayaran Sumbangan Takaful yang berkaitan seperti yang dinyatakan dalam Sijil Takaful Individu
- 1.8 **"Tabarru"** bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan Orang Yang Dilindungi dan akan digunakan untuk membantu Orang Yang



Dilindungi yang ditimpa musibah. Di dalam konteks Takaful IKHLAS, Tabarru' akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko.

- 1.9 **"Sumbangan Takaful"** membawa maksud wang yang dibayar oleh Orang Yang Dilindungi atau Pemegang Sijil Takaful Induk untuk menyertai skim Takaful.
- 1.10 **"pihak Syarikat"** membawa maksud Takaful Ikhlas Berhad.
- 1.11 **"Akaun Pelaburan Peribadi"** (PIA), bergantung kepada produk, ia adalah akaun di mana sebahagian daripada Sumbangan Takaful Orang Yang Dilindungi akan dikreditkan untuk produk perlindungan dan pelaburan.
- 1.12 **"Akaun Pelaburan Risiko Peribadi"** (PRIA) bermaksud akaun di mana Sumbangan Takaful Orang Yang Dilindungi akan dikreditkan untuk jenis produk perlindungan sahaja.
- 1.13 **"Qard"** bermaksud pinjaman tanpa faedah.
- 1.14 **"Yuran Wakalah"** membawa maksud bayaran pentadbiran yang dikenakan oleh Syarikat berjumlah dua puluh peratus (20%) daripada jumlah Sumbangan Takaful yang diterima.
- 1.15 **"Dana Risiko"** bermaksud kumpulan dana yang berasaskan kepada konsep tabarru' yang memberikan perlindungan dan pampasan bersama di kalangan Orang Yang Dilindungi.
- 1.16 **"Tempoh Bertenang"** bermaksud tempoh atau masa yang diberikan kepada Orang Yang Dilindungi untuk membuat pilihan sama ada untuk menarik diri atau meneruskan aqad (kontrak) tersebut.
- 1.17 **"Takaful"** bermaksud 'saling menjamin' di mana sekumpulan Orang Yang Dilindungi bersetuju untuk saling menjamin di kalangan mereka terhadap kerugian yang telah ditakrifkan di mana Sumbangan Takaful akan dikongsi untuk membantu mereka yang memerlukan
- 1.18 **"Ahli yang Berkelayakan"** membawa maksud ahli kepada Pemegang Sijil Takaful Induk serta pasangan dan anaknya yang layak untuk menyertai perlindungan di bawah Sijil Takaful Induk pada masa ini dan pada masa-masa akan datang.
- 1.19 **"Tarikh Sumbangan Takaful Patut Dibayar"** membawa maksud, hari yang ketiga puluh (30) daripada Tarikh Efektif serta pada setiap tarikh ulangtahun bulanan, sekiranya perlindungan masih berkuatkuasa.
- 1.20 **"Tempoh Ehsan"** membawa maksud tiga puluh (30) hari daripada Tarikh Sumbangan Takaful Patut Dibayar.
- 1.21 **"Kemalangan"** membawa maksud peristiwa yang mengakibatkan kecederaan tubuh badan secara lansung dan dengan sendirinya, disebabkan oleh faktor luaran, kekasaran, dan jelas.
- 1.22 **"Hibah"** bermaksud suatu pemberian tanpa sebarang balasan.
- 1.23 **"Berkuatkuasa di Bawah PIA"** bermaksud Sijil Takaful berkuatkuasa dengan menggunakan baki daripada akaun Orang Yang Dilindungi sama ada daripada PIA, PRIA atau Dana Pelaburan semasa tiada Sumbangan Takaful diterima.

2. KELAYAKAN

Seseorang yang layak diberi perlindungan di bawah Sijil Takaful Induk ini adalah Ahli yang Berkelayakan yang memenuhi syarat untuk menjadi Orang Yang Dilindungi berdasarkan takrif yang tercatat di atas pada masa ini dan pada masa akan datang.

3. TARIKH EFEKTIF PERLINDUNGAN BAGI SETIAP INDIVIDU

- 3.1 Kesemua Ahli yang Berkelayakan akan layak menyertai skim ini pada atau selepas Tarikh Permulaan Sijil Takaful Individu dengan syarat permohonan telah diterima dan diluluskan oleh pihak Syarikat.
- 3.2 Tarikh Efektif untuk perlindungan ialah hari pertama bagi setiap bulan, di mana Sumbangan Takaful pertama telah sepenuhnya diterima oleh pihak Syarikat atau tarikh di mana permohonan diluluskan oleh pihak Syarikat, yang mana kemudian.

4. PENGUNDERAITAN

Setiap permohonan Orang Yang Dilindungi akan diterima berdasarkan terma-terma dan syarat-syarat pengunderaitan yang ditentukan oleh pihak Syarikat. Selain daripada itu, pihak Syarikat berhak untuk mengecualikan mana-mana manfaat jika perlu dan juga berhak menolak permohonan Orang Yang Dilindungi sekiranya ianya tidak menepati keperluan pengunderaitan. Walau apapun yang dinyatakan sebaliknya di dalam Sijil Takaful ini, tiada perlindungan yang diberikan untuk kes-kes seperti di atas dan semua wang yang telah dibayar akan dikembalikan.

5. BUKTI KESIHATAN

- 5.1 Orang Yang Dilindungi hendaklah melengkapkan borang cadangan bersama bukti kesihatan atau menjalani pemeriksaan perubatan seperti yang diperlukan oleh pihak Syarikat kecuali sekiranya ianya dikecualikan secara bertulis oleh pihak Syarikat. Semua pemeriksaan perubatan dan sebarang ujian yang dilakukan oleh Orang Yang Dilindungi yang diminta oleh pihak Syarikat hendaklah dilakukan oleh Doktor yang disahkan oleh pihak Syarikat dan semua kos perbelanjaan akan ditanggung oleh pihak Syarikat.
- 5.2 Jika pihak Syarikat mendapati keputusan pemeriksaan perubatan berkenaan dengan Orang Yang Dilindungi tidak memuaskan, pihak Syarikat mengikut budi bicara mutlaknya boleh:
 - i) Menghadkan Amaun Perlindungan; atau
 - ii) Mengekalkan jumlah penuh Amaun Perlindungan tetapi mengenakan pengecualian untuk perlindungan, sebagaimana yang dirasakan perlu oleh pihak Syarikat; atau
 - iii) Menolak untuk menerima risiko.
- 5.3 Pihak Syarikat berhak menaikkan Sumbangan Takaful kepada Orang Yang Dilindungi yang melakukan aktiviti yang berbahaya, yang mana caj tersebut akan di ambil daripada baki Akaun Pelaburan Risiko Peribadi (PRIA) dan/atau Akaun Pelaburan Peribadi (PIA).



6. MANFAAT BOLEH DIBAYAR

- 6.1 Jika Orang Yang Dilindungi pada bila-bila masa meninggal dunia dalam tempoh Sijil Takaful Individu berkuatkuasa, pihak Syarikat akan, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan yang terkandung di sini, membayar Amaun Perlindungan Orang Yang Dilindungi, yang konsisten dengan bilangan unit yang disertai sepertimana yang dinyatakan di dalam Sijil Takaful Individu kepada Pemegang Sijil Takaful Induk untuk diserahkan kepada Penama yang dinamakan oleh Orang Yang Dilindungi. Manfaat Takaful ini dijamin oleh Dana Risiko.
- 6.2 Dua (2) kali Amaun Perlindungan akan dibayar jika kematian disebabkan oleh kemalangan.
- 6.3 Pihak Syarikat juga akan membayar jumlah terkumpul di dalam PIA dan PRIA, termasuk pendapatan pelaburan dari PIA dan PRIA dan lebih boleh-agih bersih daripada Dana Risiko, jika ada, kepada Pemegang Sijil Takaful Induk untuk diserahkan kepada Penama yang dinamakan oleh Orang Yang Dilindungi. Manfaat ini tidak dijamin.
- 6.4 Pihak Syarikat mempunyai hak untuk mengira semula Amaun Perlindungan mengikut jumlah Sumbangan Takaful yang telah diterima oleh pihak Syarikat. Jika terdapat tuntutan dibuat sebelum jumlah penuh ansuran Sumbangan Takaful diterima oleh pihak Syarikat, jumlah Sumbangan Takaful yang masih tertunggak akan diambil daripada jumlah tuntutan yang dibayar.
- 6.5 Pembayaran sebarang jumlah oleh pihak Syarikat di bawah Sijil Takaful Tambahan akan mengurangkan Amaun Perlindungan Asas sekiranya Sijil Takaful Tambahan tersebut di keluarkan bagi manfaat secara pra-bayar dan bukan tambahan.
- 6.6 Pembayaran sebarang jumlah yang dibuat oleh pihak Syarikat akan dianggap sebagai pelepasan liabiliti yang sah kepada pihak Syarikat dan akan membebaskan pihak Syarikat daripada sebarang tuntutan atau permintaan yang berkaitan dengannya.

7. SIJIL TAKAFUL MATANG

Apabila Sijil Takaful Individu mencapai tempoh matang, jumlah terkumpul di dalam PIA dan PRIA, termasuk pendapatan pelaburan dari PIA dan PRIA dan lebih boleh-agih bersih daripada Dana Risiko, jika ada, akan dibayar kepada Pemegang Sijil Takaful Induk untuk diserahkan kepada Orang Yang Dilindungi. Manfaat ini tidak dijamin.

8. PENGURUSAN SUMBANGAN TAKAFUL

- 8.1. Ini adalah Sijil Takaful di mana Sumbangan Takafulnya dibayar secara berkala. Jumlah Sumbangan Takaful bagi setiap Orang Yang Dilindungi akan dikira berdasarkan bilangan unit yang disertai oleh Orang Yang Dilindungi.
- 8.2. Sumbangan Takaful akan dimasukkan Akaun Pelaburan Peribadi (PIA) dan Akaun Pelaburan Risiko Peribadi (PRIA). Pihak Syarikat akan mengenakan Yuran Wakalah sebanyak 20% daripada Sumbangan Takaful yang diterima daripada PIA dan PRIA, dan sebahagian daripada PIA dan PRIA akan disalurkan ke dalam Dana Risiko secara bulanan sebagai Tabarru' (derma) bagi membantu Orang Yang Dilindungi lain yang ditimpa musibah.



- 8.3. Pihak Syarikat akan mengenakan Caj Pengurusan Lebihan (SAC) sebanyak 50% daripada sebarang lebihan boleh-agih kasar semasa berakhirnya Tahun Kewangan Syarikat. Lebihan boleh-agih bersih (selepas ditolak SAC) daripada Dana Risiko akan diperuntukkan sepenuhnya (100%) kepada Orang Yang Dilindungi melalui PIA dan PRIA.
- 8.4. Baki Sumbangan Takaful selebihnya di dalam PIA dan PRIA, jika ada, akan dilaburkan oleh pihak Syarikat dan keuntungan daripada pelaburan, jika ada, akan dipulangkan kepada Orang Yang Dilindungi (melalui PIA dan PRIA) ditolak 30% daripada keuntungan pelaburan sebagai Yuran Prestasi Pelaburan. Walau bagaimanapun, pihak Syarikat boleh, mengikut budi bicara mengenakan caj kurang daripada 30% daripada keuntungan pelaburan sebagai Yuran Prestasi Pelaburan
- 8.5. Jumlah terkumpul dalam PIA dan PRIA adalah Tidak Dijamin dan mungkin meningkat atau berkurangan daripada jumlah Sumbangan Takaful yang dibuat ke dalam PIA dan PRIA (berkemungkinan menyebabkan Sijil Takaful akan diluputkan awal), bergantung kepada prestasi pelaburan sebenar Pengendali Takaful).
- 8.6. Namun begitu, di mana Dana Risiko mengalami defisit, Pemegang Saham Syarikat akan memberi jumlah yang diperlukan untuk menampung defisit melalui Qard, (Pembayaran balik Qard akan dilakukan daripada baki lebihan Dana Risiko pada masa akan datang.)
- 8.7. Jika defisit di dalam Dana Risiko berlaku akibat dari kecuaihan pihak Syarikat, maka menjadi tanggungjawab pihak Syarikat untuk memastikan dana tersebut stabil melalui kaedah pindahan tanpa syarat (*outright transfer*) dan tidak dianggap sebagai pendahuluan melalui Qard.

9. KEADAAN SEDIA WUJUD

- 9.1. Keadaan Sedia Wujud bermaksud sebarang kecederaan atau penyakit
- i) yang mana wujud atau telah menunjukkan simptom sebelum Tarikh Efektif perlindungan; atau
 - ii) di mana telah wujud bukti manifestasi penyakit-penyakit sebelum Tarikh Efektif perlindungan; yang mana Orang Yang Dilindungi telah tahu atau sepatutnya tahu; atau
 - iii) di mana berdasarkan perkembangan patologi perubatan biasa, penyakit tersebut telah wujud sebelum tarikh efektif perlindungan.
- 9.2. Walauapapun yang dinyatakan sebaliknya di dalam Sijil Takaful Induk ini, tiada manfaat akan dibayar sekiranya kematian disebabkan Keadaan Sedia Wujud kecuali sekiranya pada waktu kematian, Orang Yang Dilindungi telah diberi perlindungan melebihi dua belas (12) bulan daripada Tarikh Efektif perlindungan dan/atau Orang Yang Dilindungi telah menyatakan kecederaan atau penyakit tersebut dan telah diunderait sepenuhnya dan diterima secara bertulis oleh pihak Syarikat sebelum permulaan perlindungan.
- 9.3. Keadaan sedia wujud akan hanya digunapakai bagi kes-kes di mana Amaun Perlindungan adalah melebihi Had Perlindungan Percuma.



10. TEMPOH BERTENANG (HAK UNTUK PEMBATALAN)

- 10.1 Dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh Sijil Takaful Individu diterima Orang Yang Dilindungi boleh memulangkan Sijil Takaful ini kepada pihak Syarikat dan pihak Syarikat akan membatalkannya dengan serta-merta setelah penerimaannya dan pemulangan Sumbangan Takaful pula akan dibuat setelah ditolak jumlah perbelanjaan perubatan yang didahulukan oleh Syarikat.
- 10.2 Selepas pemulangan Sijil Takaful Individu kepada pihak Syarikat dan pembatalan telah dibuat oleh pihak Syarikat, ianya akan dianggap tidak berkuatkuasa semenjak dari tarikh dikeluarkan.

11. SERAHAN SIJIL TAKAFUL INDIVIDU

Orang Yang Dilindungi boleh menyerahkan Sijil Takaful Individu pada bila-bila masa secara bertulis kepada pihak Syarikat melalui Pemegang Sijil Takaful Induk, dan jumlah terkumpul di dalam PIA dan PRIA, termasuk pendapatan pelaburan dari PIA dan PRIA dan lebihan boleh-agih bersih daripada Dana Risiko, jika ada, akan dibayar kepada Pemegang Sijil Takaful Induk untuk diserahkan kepada Orang Yang Dilindungi, setelah ditolak yuran pengurusan, maksimum sebanyak RM50. Manfaat ini tidak dijamin.


12. PENYERAHAN HAK

Manfaat Takaful di bawah Sijil Takaful Individu ini tidak dibenarkan untuk diserahkan.

13. PENGUATKUASAAN SEMULA

- 13.1 Sekiranya Sumbangan Takaful tidak dibayar melebihi Tempoh Ehsan, Sijil Takaful dan/ atau perlindungan untuk Orang Yang Dilindungi akan ditamatkan. Walauapapun yang dinyatakan sebaliknya, Sijil Takaful dan/ atau perlindungan untuk Orang Yang Dilindungi, yang mana berkenaan, boleh dikuatkuasakan semula di atas pertimbangan pihak Syarikat berdasarkan syarat-syarat berikut:

- i) Permohonan bertulis untuk penguatkuasaan semula;
 - ii) Pemberian bukti kelayakan untuk menyertai skim ini yang memuakan pihak Syarikat daripada Orang Yang Dilindungi yang telah gagal membayar Sumbangan Takaful selama enam (6) bulan;
 - iii) Pembayaran semua Sumbangan Takaful tertunggak.
 - iv) Tiada tuntutan berlaku di antara Tarikh Efektif perlindungan Orang Yang Dilindungi dan tarikh penguatkuasaan semula, dengan syarat penguatkuasaan hendaklah dibuat dalam tempoh tiga (3) bulan dari Tarikh Sijil Takaful dan/atau perlindungan Orang Yang Dilindungi ditamatkan.
- 13.2 Bukti kelayakan Orang Yang Dilindungi untuk menyertai skim ini termasuklah borang deklarasi kesihatan yang lengkap yang memuakan pihak Syarikat. Sebarang penguatkuasaan semula tertakluk kepada yuran pengurusan sebanyak RM15.



- 13.3 Bagi sebarang Sijil Takaful Individu yang berjaya dikuatkuasakan semula, jumlah akaun yang telah didahulukan untuk Dana Risiko semasa tempoh tidak membayar akan dibayar semula.
- 13.4 Tiada penguatkuasaan semula dibenarkan selepas tempoh dua belas (12) bulan penamatan Sijil Takaful.

14. PENAMATAN PERLINDUNGAN TAKAFUL

- 14.1 Perlindungan Takaful ke atas Orang Yang Dilindungi akan tamat apabila berlaku mana-mana yang terdahulu dari perkara-perkara berikut:-
- i) pada tarikh berlakunya kematian atau Keilatan Kekal dan Menyeluruh ke atas Orang Yang Dilindungi; atau
 - ii) selepas 100% Amaun Perlindungan habis dibayar.
 - iii) Pada tarikh penamatan perkhidmatan atau keahlian sebelum Tarikh Matang, kecuali sekiranya Orang Yang Dilindungi hendak meneruskan perlindungan mengikut Opsyen Pertukaran dan penerusan perlindungan di dalam Klausa 16 di dalam Jadual Ketiga; atau
 - iv) Apabila pembayaran Sumbangan Takaful untuk perlindungan Orang Yang Dilindungi tidak diteruskan kerana apa-apa sebab; atau
 - v) Pada Tarikh Matang seperti dinyatakan di dalam Sijil Takaful Individu; atau
 - vi) Apabila Orang Yang Dilindungi memilih untuk menyerahkan Sijil Takaful Individu seperti yang dinyatakan di bawah Klausa 11 Jadual kedua.
- 14.2 Tiada manfaat akan dibayar di bawah Sijil Takaful Induk ini jika tuntutan dibuat selepas tarikh pembatalan Sijil Takaful Individu.
- 14.3 Setelah penamatan Sijil Takaful, jumlah terkumpul di dalam PIA dan PRIA, termasuk pendapatan pelaburan dari PIA dan PRIA dan lebihan boleh-agih bersih daripada Dana Risiko, jika ada, akan dibayar kepada Pemegang Sijil Takaful Induk untuk diserahkan kepada Orang Yang Dilindungi, jika ada. Manfaat ini tidak dijamin.

JADUAL KETIGA

PERUNTUKAN AM

1. SIJIL TAKAFUL INDUK

- 1.1 Sijil Takaful Induk ini, cadangan dan kesemua pengisytiharan yang dibuat oleh Pemegang Sijil Takaful Induk atau Orang Yang Dilindungi dan kesemua manfaat sampingan dan endosmen, akan membentuk keseluruhan kontrak Takaful di antara semua pihak yang terlibat. Kesemua kenyataan yang dibuat oleh Pemegang Sijil Takaful Induk atau mana-mana Orang Yang Dilindungi, sekiranya bukan penipuan, akan dianggap gambaran dan bukan jaminan dan tiada kenyataan sepertinya yang akan membatalkan Sijil Takaful Induk atau digunakan sebagai pembelaan tuntutan di bawahnya kecuali sekiranya ianya terkandung di dalam cadangan dan pengisytiharan tersebut. Semua kenyataan dan pengisytiharan yang dibuat oleh Pemegang Sijil Takaful Induk atau seseorang Orang Yang Dilindungi akan membentuk asas kepada Sijil Takaful di antara Pemegang Sijil Takaful Induk dan pihak Syarikat, dan akan termaktub di dalam Sijil Takaful Induk.
- 1.2 Tiada pengantara yang dibenarkan untuk membuat atau mengubah Sijil Takaful Induk ini, atau memanjangkan tempoh untuk membuat Sumbangan Takaful, untuk menguatkuasakan semula sebarang Sijil Takaful yang ditamatkan, untuk mengetepikan sebarang hak atau keperluan pihak Syarikat, atau untuk mengikat pihak Syarikat dengan membuat perjanjian atau menerima sebarang gambaran atau maklumat yang tidak terdapat di dalam cadangan dan pengisytiharan yang berkaitan dengan Sijil Takaful Induk ini.
- 1.3 Hanya Pegawai yang diberi kuasa oleh pihak Syarikat mempunyai kuasa bagi pihak Syarikat untuk mengeluarkan permit atau memanjangkan tempoh untuk membuat Sumbangan Takaful. Pihak Syarikat tidak akan terikat dengan sebarang janji atau gambaran yang diberi oleh sesiapa selain daripada Pegawai yang diberi kuasa dan juga sebarang janji atau gambaran tersebut hendaklah dilulus dan diendoskan.

2. PINDAAN TERHADAP SIJIL TAKAFUL INDUK

Sijil Takaful Induk ini boleh dipinda atau diubah pada sebarang masa, apabila permintaan bertulis dibuat oleh Pemegang Sijil Takaful Induk dan dipersetujui oleh pihak Syarikat tanpa memerlukan kebenaran daripada Orang Yang Dilindungi. Pemegang Sijil Takaful Induk bertanggungjawab untuk memberitahu Orang Yang Dilindungi bagi setiap pindaan atau perubahan. Sebarang pindaan atau perubahan kepada Sijil Takaful Induk akan mengikat Orang Yang Dilindungi sama ada yang dilindungi di bawah Sijil Takaful Induk ini sebelum, pada, atau selepas Tarikh Efektif pindaan atau perubahan tersebut.

3. PENGECUALIAN KE ATAS KEMATIAN

Jika Orang Yang Dilindungi, sama ada waras atau tidak, cuba untuk membunuh diri di dalam tempoh satu (1) tahun bermula Tarikh Efektif, meninggal dunia disebabkan virus Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau penyakit yang disebarkan secara seksual, atau meninggal dunia akibat dari Keadaan Sedia Wujud sepertimana yang ditakrif dalam Klausa 9 pada Jadual Kedua, tiada manfaat akan dibayar dibawah Sijil Takaful ini.



4. REKOD

- 4.1. Pihak Syarikat akan menyimpan rekod kesemua maklumat-maklumat dan data yang berkenaan mengenai Orang Yang Dilindungi.
- 4.2. Pihak Syarikat melalui Pegawai yang diberi kuasa, mempunyai hak untuk memeriksa kesemua buku-buku dan rekod-rekod Pemegang Sijil Takaful Induk, berkenaan dengan perlindungan di bawah Sijil Takaful ini pada masa yang munasabah.
- 4.3. Pemegang Sijil Takaful Induk hendaklah memaklumkan kepada pihak Syarikat mengenai sebarang perubahan penting rekod termasuklah sekiranya terdapat perubahan alamat Pemegang Sijil Takaful Induk, Orang Yang Dilindungi, atau Penama.

5. KEGAGALAN MEMBAYAR


- 5.1. Sekiranya tiada pembayaran Sumbangan Takaful dibuat apabila tamatnya Tempoh Ehsan, pihak Syarikat mempunyai hak sepertimana yang telah dipersetujui di dalam aqad, untuk mendahulukan "jumlah yang sama daripada PIA dan/ atau PRIA" untuk membayar Tabarru' dan Sijil Takaful Individu akan terus "berkuatkuasa di bawah PIA" sehingga jumlah PIA dan/ atau PRIA adalah kurang daripada jumlah Sumbangan Takaful yang diperlukan untuk membayar Tabarru'. Dalam tempoh ini, Sijil Takaful Individu masih lagi berkuatkuasa.
- 5.2. Sekiranya Sumbangan Takaful masih tidak dibayar setelah jumlah PIA dan/ atau PRIA menjadi tidak mencukupi cukup untuk melakukan pendahuluan, Sijil Takaful Individu akan ditamatkan.

6. PEMBAYARAN SUMBANGAN TAKAFUL TERTUNGGAK

Sekiranya Sumbangan Takaful tidak dibayar melebihi Tempoh Ehsan dan di dalam tempoh "berkuatkuasa di bawah PIA", jumlah daripada akaun terlibat yang telah didahulukan untuk Tabarru' semasa tempoh tidak berbayar, akan dipulangkan semula apabila pembayaran terhadap Sumbangan Takaful tertunggak dibuat.

7. PEMFAILAN BUKTI TUNTUTAN

- 7.1 Sekiranya berlakunya kematian ke atas Orang Yang Dilindungi seperti tercatat di dalam Sijil Takaful Individu, Amaun Perlindungan akan dibayar tertakluk kepada Klausula Pengecualian Risiko kematian, dengan syarat notis bertulis hendaklah diserahkan kepada pihak Syarikat dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh kematian.
- 7.2 Kegagalan untuk mengemukakan notis tuntutan dalam tempoh yang telah ditetapkan tidak akan membatalkan tuntutan tersebut sekiranya dapat dibuktikan bahawa notis tuntutan tersebut sememangnya tidak dapat dikemukakan dalam tempoh tersebut di atas sebab-sebab yang munasabah dan juga notis tersebut telah dikemukakan dengan seberapa segera yang mungkin.
- 7.3 Apabila menerima notis tuntutan, pihak Syarikat akan memberi borang yang sepatutnya sebagai bukti serta meminta apa-apa keperluan lain yang berkaitan dengan tuntutan tersebut. Pihak Syarikat berhak untuk meminta dokumen



selanjutnya yang berkaitan dengan tuntutan, sekiranya perlu. Bukti tuntutan hendaklah diberi oleh penuntut dalam jangkamasa sembilan puluh (90) hari.

8. PEMBAYARAN TUNTUTAN

Semua pembayaran tuntutan akan dibayar kepada Pemegang Sijil Takaful Induk atau Orang Yang Dilindungi atau Penama yang mana berkenaan mengikut Klausa 6, Jadual Kedua.

9. PENAMATAN SIJIL TAKAFUL INDUK

- 9.1. Sijil Takaful ini boleh ditamatkan oleh Pemegang Sijil Takaful Induk dengan memberi sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari notis melalui pos berdaftar yang diserahkan kepada Ibu Pejabat Syarikat.
- 9.2. Pihak Syarikat boleh menamatkan Sijil Takaful ini dengan memberi notis tiga puluh (30) hari melalui pos berdaftar kepada Pemegang Sijil Takaful Induk di pejabat yang telah didaftarkan.

10. SALAH NYATA UMUR

- 10.1 Jika umur atau tarikh lahir atau sebarang fakta penting lain berkaitan dengan seseorang Orang Yang Dilindungi didapati telah disalah nyata dan jika salah nyata tersebut menjejaskan manfaat atau mempunyai sebarang kaitan dengan terma-terma dan syarat-syarat Sijil Takaful Induk ini, umur dan fakta sebenar akan digunakan untuk menentukan sama ada perlindungan berkuatkuasa di bawah peraturan-peraturan Sijil Takaful Induk ini dan manfaat yang boleh dibayar di bawahnya, dan pelarasan ke atas Sumbangan Takaful akan dibuat.
- 10.2 Di mana terdapat salah nyata mengenai umur atau fakta penting lain yang menyebabkan seseorang Orang Yang Dilindungi diberi perlindungan di bawah ini sedangkan beliau tidak layak untuk diberi perlindungan, atau apabila kenyataan sedemikian telah menyebabkan seseorang Orang Yang Dilindungi terus diberi perlindungan sedangkan beliau tidak layak diberi perlindungan selanjutnya mengikut peraturan-peraturan dan had-had Sijil Takaful ini, maka seluruh perlindungannya akan terbatal.

11. PENIPUAN DAN SALAH KENYATAAN

Sekiranya Pemegang Sijil Takaful Induk atau Orang Yang Dilindungi memberi maklumat, butir-butir atau pengisytiharan atau membuat tuntutan yang tidak betul, palsu atau menipu, atau menyembunyikan fakta material, sama ada dengan niat menipu atau sebaliknya, Sijil Takaful Individu dan/ atau Sijil Takaful Induk atau perlindungan ini akan menjadi tidak sah dan terbatal.

12. SYARAT TERDAHULU

Kepatuhan kepada segala terma-terma, peruntukan-peruntukan dan syarat-syarat serta endosmen-endosmen Sijil Takaful Induk ini selama mana ianya berkaitan dengan sebarang perkara-perkara yang perlu dibuat dan dipatuhi oleh Pemegang Sijil Takaful Induk dan/ atau Orang Yang Dilindungi, dan kebenaran kepada kenyataan-kenyataan

dan jawapan-jawapan di dalam borang cadangan yang disempurnakan oleh Pemegang Sijil Takaful Induk dan/ atau Orang Yang Dilindungi, dan sebarang pengakuan-pengakuan yang dibuat oleh Pemegang Sijil Takaful Induk dan/ atau Orang Yang Dilindungi akan menjadi syarat terdahulu kepada segala liabiliti pihak Syarikat untuk membuat pembayaran di bawah Sijil Takaful Individu dan/ atau Sijil Takaful Induk.

13. SUMBANGAN TAKAFUL TAMBAHAN

Sumbangan Takaful Tambahan adalah dibenarkan dari bermulanya Sijil Takaful Individu. Bagi setiap Sijil Takaful Individu, jumlah Sumbangan Takaful tambahan yang dibenarkan adalah tertakluk kepada jumlah minima satu (1) kali Sumbangan Takaful bulanan. Keseluruhan Sumbangan Takaful tambahan akan dimasukkan ke PIA.

14. PENAMA

14.1 Penama adalah seperti yang dinyatakan di dalam borang penama, melainkan sekiranya ia ditukar kemudian, adalah orang yang dinamakan oleh Orang Yang Dilindungi untuk bertindak sebagai pemegang amanah untuk melaksanakan pembayaran manfaat kematian serta-merta.

14.2 Orang Yang Dilindungi boleh membatalkan perlantikan penama yang dinamakan di sini dan melantik penama lain melalui notis bertulis kepada pihak Syarikat. Perubahan terhadap penama dianggap berkuatkuasa dari tarikh bila pihak Syarikat menerima notis bertulis berkenaan.

15. HIBAH

Cadangan penerima hibah adalah sepertimana yang dinyatakan di dalam borang cadangan hibah, adalah orang yang dinamakan oleh Orang Yang Dilindungi, melainkan sekiranya ia ditukar kemudian, untuk menerima manfaat kematian di dalam kes Orang Yang Dilindungi meninggal dunia sebelum Sijil Takaful matang.

16. OPSYEN PERTUKARAN DAN PENERUSAN PERLINDUNGAN

16.1 Sekiranya berlaku "Keadaan yang membenarkan Pertukaran" seperti yang ditakrif bagi Orang Yang Dilindungi yang merupakan ahli kepada Pemegang Sijil Takaful Induk di dalam 12.1, Orang Yang Dilindungi boleh memilih untuk meneruskan perlindungan untuk dirinya atau pasangan atau anaknya, yang mana berkenaan, dengan membayar Sumbangan Takaful Tahunan dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh "Keadaan yang membenarkan Pertukaran" dibuat, dan notis bertulis hendaklah diberi kepada pihak Syarikat.

16.2 "Keadaan yang membenarkan Pertukaran" untuk Orang Yang Dilindungi adalah ditakrif seperti di bawah:

- (i) Apabila Orang Yang Dilindungi meletak Jawatan sebagai ahli kepada Pemegang Sijil Takaful Induk; dan
- (ii) Sekiranya Sumbangan Takaful belum dibayar.

16.3 Walauapapun yang dinyatakan sebaliknya, cara pembayaran Sumbangan Takaful di bawah peruntukan ini dibolehkan secara setengah tahunan atau suku



tahunan selepas Orang Yang Dilindungi memilih untuk meneruskan perlindungan, jika jumlah Sumbangan Takaful yang dibayar sebelumnya seperti yang dibuktikan oleh Sijil Takaful Individu yang masih berkuatkuasa pada waktu itu adalah dua (2) unit atau lebih.

17. UNDANG-UNDANG DAN TAFSIRAN

Sijil Takaful ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan mengikut **Undang-Undang Malaysia**.

Tafsiran lelaki akan mengambil kira yang perempuan dan tafsiran yang satu akan mengambil kira yang majmuk dan sebaliknya.

18. CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (CBP)

Sebarang yuran dan wang lain yang dibayar di bawah Sijil Takaful ini tidak termasuk CBP kecuali dinyatakan sebaliknya mengikut peruntukan Undang-undang CBP.

19. ADUAN

19.1 Sekiranya terdapat sebarang aduan terhadap Pihak Syarikat, sila hubungi:

Jabatan Pengurusan Perhubungan Pelanggan
Takaful Ikhlas Berhad
Ikhlas Point
Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South
No. 8, Jalan Kerinchi,
59200 Kuala Lumpur

Tel: 03-2723 9999

Fax: 03-2723 9998

Alamat E-mel: complaints@takaful-ikhlas.com.my

19.2 Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan penolakan atau tawaran penyelesaian tuntutan, anda boleh membuat rayuan kepada pihak Syarikat. Sekiranya anda masih tidak berpuas hati dengan keputusan pihak Syarikat, maka anda boleh merujuk kes anda kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan dalam tempoh enam (6) bulan dari hari pihak Syarikat membuat keputusan muktamad. Alamat adalah seperti berikut:

**Ombudsman Perkhidmatan Kewangan
(664393P)**

**(dahulu dikenali sebagai Biro
Pengantaraan Kewangan)**

Level 14, Blok Utama,
Menara Takaful Malaysia
No 4, Jalan Sultan Sulaiman 50000 Kuala
Lumpur.

Tel : 03-2272 2811

Faks : 03-2272 1577

Emel : enquiry@ofs.org.my

Laman sesawang: www.ofs.org.my

Contact Centre (BNMTELELINK)

Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)
Bank Negara Malaysia
Peti Surat 10922
50929 Kuala Lumpur

TELEPHONE/FACSIMILE/E-MAIL

Tel : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)

(Luar negara: +603-2174-1717)

Fax: +603-2174-1515

E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my



JADUAL KEEMPAT

PERUNTUKAN KEILATAN KEKAL DAN MENYELURUH

SIJIL TAKAFUL TAMBAHAN INI dikeluarkan dan membentuk sebahagian daripada Sijil Takaful Induk di mana ianya dilampirkan.

1. TAKRIF KEILATAN KEKAL DAN MENYELURUH

- 1.1 **"Keilatan Kekal dan Menyeluruh"** (selepas ini dikenali sebagai "TPD") membawa maksud hilang upaya yang berlaku disebabkan oleh kemalangan yang menyebabkan kecederaan tubuh badan atau penyakit di mana Orang Yang Dilindungi hilang upaya untuk melakukan sebarang perniagaan, pekerjaan atau profesion untuk mendapatkan apa-apa upah, gantirugi atau keuntungan, dengan syarat, hilang upaya yang dialami tersebut mestilah berlarutan tidak kurang daripada tempoh enam (6) bulan berterusan, dan selepas itu diperakui sebagai TPD. Bagi tujuan Sijil Takaful Tambahan ini, liabiliti pihak Syarikat akan bermula daripada tarikh permulaan keilatan tersebut.
- 1.2 Walau apapun yang dinyatakan di atas, bagi Orang Yang Dilindungi yang berumur kurang daripada enam belas (16) tahun pada hari jadi yang akan datang, atau tidak bekerja atau tidak terlibat dalam sebarang pekerjaan yang menguntungkan, pekerjaan atau perniagaan atau telah bersara kekal pada bila-bila masa selama enam (6) bulan sebelum hilang upaya, TPD akan ditakrifkan sebagai ketidakupayaan disebabkan oleh kemalangan atau penyakit, untuk melakukan tanpa bantuan sekurang-kurangnya tiga (3) "Aktiviti Kehidupan Harian" yang dinyatakan selepas ini, dan pada pandangan pihak syarikat, ianya akan berterusan berada di dalam keadaan tersebut secara kekal dan hilang upaya dan mestilah berterusan selama tidak kurang daripada enam (6) bulan.
- 1.3 **"Aktiviti Kehidupan Harian"** membawa maksud :-
 - i) **Berpindah atau bergerak** - Keupayaan untuk bergerak dari satu bilik ke satu bilik bersebelahan atau dari satu sudut bilik ke sudut bilik yang sama atau untuk baring atau bangkit dari katil atau kerusi tanpa bantuan fizikal orang lain;
 - ii) **Pengawalan perkumuhan** - Keupayaan untuk mengawal secara sukarela pembuangan air besar dan kecil untuk memelihara kebersihan diri;
 - iii) **Berpakaian** - Memakai atau menanggalkan segala jenis pakaian tanpa bantuan orang lain;
 - iv) **Ke Tandas** - Keupayaan membersihkan diri di bilik air termasuk keluar masuk bilik air serta penggunaan tandas dan yang berkaitan dengan kebersihan diri.
 - v) **Makan** - Semua cara untuk memasukkan makanan dan minuman yang telah disediakan ke dalam tubuh.
- 1.4 Keadaan berikut akan juga diperakui sebagai TPD sekiranya ianya berlaku:
 - i) Kehilangan kekal dan menyeluruh pada penglihatan di kedua-dua belah mata; atau



- ii) Kehilangan sekurang-kurang dua (2) anggota, pada atau atas pergelangan tangan atau buku lali, atau
 - iii) Kehilangan kekal dan menyeluruh pada penglihatan di sebelah mata dan hilang salah satu (1) dari anggota, pada atau atas pergelangan tangan atau buku lali.
- 1.5 Sekiranya Orang Yang Dilindungi berumur kurang daripada empat puluh lapan (48) bulan, keilangan akan hanya dianggap kekal dan menyeluruh sekiranya Orang Yang Dilindungi disahkan tidak boleh melakukan semua Aktiviti-aktiviti Harian di atas tanpa sebarang bantuan pada umur empat (4) tahun dan seterusnya.

2. PEMBAYARAN MANFAAT TAKAFUL

- 2.1 Jika, semasa Sijil Takaful Tambahan ini berkuatkuasa, Orang Yang Dilindungi mengalami TPD seperti yang ditakrif di dalam Sijil Takaful Tambahan ini, semasa dilindungi di bawah Sijil Takaful Tambahan ini, dan dengan syarat hilang upaya tersebut berterusan bagi tempoh enam (6) bulan, pihak Syarikat akan membayar Amaun Perlindungan konsisten dengan bilangan unit yang disertai seperti yang dinyatakan di dalam Sijil Takaful Individu kepada Pemegang Sijil Takaful Induk untuk diserahkan kepada Orang Yang Dilindungi. Walau apapun yang dinyatakan di dalam Sijil Takaful Tambahan ini, jumlah tuntutan maksimum bagi manfaat TPD yang boleh dibayar dari kesemua Sijil Takaful bagi setiap Orang Yang Dilindungi adalah tidak melebihi Ringgit Malaysia Satu Juta dan Lima Ratus Ribu (RM1,500,000). Manfaat Takaful ini dijamin oleh Dana Risiko.
- 2.2 Dua (2) kali Amaun Perlindungan akan dibayar jika TPD adalah disebabkan oleh kemalangan.
- 2.3 Di bawah Sijil Takaful Tambahan ini, sebarang tuntutan yang diterima oleh pihak Syarikat dan pembayaran manfaat TPD kepada Pemegang Sijil Takaful Induk akan secara automatik menamatkan perlindungan Orang Yang Dilindungi dan semua manfaat yang terkandung di dalam Sijil Takaful Asas dan juga Sijil Takaful Tambahan.

3. PENGEQUALIAN RISIKO

Sijil Takaful Tambahan ini tidak akan memberi perlindungan ke atas sebarang keilangan disebabkan secara langsung atau tidak langsung, keseluruhan atau sebahagian, dari mana-mana satu kejadian yang berikut:

- 3.1 Mencederakan diri sendiri atau sebarang percubaan ke atasnya samada di dalam keadaan siuan atau tidak; atau
- 3.2 Perkhidmatan ketenteraan atau tentera laut pada waktu perang yang diisytiharkan atau tidak, atau di bawah arahan bagi operasi ala peperangan atau pemulihan perintah awam; atau
- 3.3 Memasuki, mengendalikan, menyelenggarakan atau menuruni dari atau dengan sebarang perkhidmatan atau pengangkutan udara melainkan semasa Orang Yang Dilindungi berada di dalam kapal terbang yang dikendalikan oleh Syarikat Penerbangan Komersial dengan jadual penerbangan yang teratur mengikut destinasi yang telah ditetapkan; atau



- 3.4 Jika Orang Yang Dilindungi didapati dijangkiti oleh virus HIV atau AIDS atau penyakit yang disebarkan secara seksual; atau
- 3.5 Semasa Orang Yang Dilindungi berada di bawah pengaruh alkohol atau dadah selain dari yang telah dibenarkan oleh Doktor yang berdaftar; atau
- 3.6 Jika Orang Yang Dilindungi mengambil bahagian dalam mana-mana rusuhan atau melakukan kesalahan jenayah; atau
- 3.7 Jika Orang Yang Dilindungi didapati terlibat di dalam aktiviti-aktiviti penganas, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kuasa atau keganasan ataupun ancaman/ugutan kepada orang atau sekumpulan orang, sama ada tindakan perseorangan atau mewakili organisasi atau kerajaan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau atas tujuan yang sama untuk menarik perhatian dan mempengaruhi kerajaan untuk meletakkan orang awam atau mana-mana kawasan awam dalam ketakutan; atau
- 3.8 Keadaan Sedia Wujud seperti yang ditakrif di dalam Jadual Kedua, kecuali sekiranya ia telah diberitahu kepada dan diterima oleh pihak Syarikat sebelum permulaan perlindungan.

4. NOTIS DAN BUKTI TUNTUTAN

- 4.1 Notis bertulis bagi membuat tuntutan di bawah Sijil Takaful Tambahan ini hendaklah di serahkan kepada pihak Syarikat dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh bermulanya Keilatan.
- 4.2 Kegagalan untuk mengemukakan notis tuntutan dalam tempoh yang telah ditetapkan tidak akan membatalkan tuntutan tersebut sekiranya dapat dibuktikan bahawa notis tuntutan tersebut sememangnya tidak dapat dikemukakan dalam tempoh tersebut di atas sebab-sebab yang munasabah dan juga notis tersebut telah dikemukakan dengan seberapa segera yang mungkin.
- 4.3 Tiada manfaat TPD yang akan dibayar, kecuali dan apabila Pihak Syarikat menerima notis sepertimana yang dinyatakan, dan apabila semua dokumen dan maklumat diserahkan kepada pihak Syarikat. Sekiranya dikehendaki pihak Syarikat berhak mengarahkan Orang Yang Dilindungi menjalani pemeriksaan kesihatan yang akan dilakukan oleh panel Doktor yang dilantik oleh pihak Syarikat atau menjalani rawatan perubatan atau pembedahan yang dirasakan perlu oleh panel Doktor.




5. PENAMATAN

Sijil Takaful Tambahan ini akan secara automatiknya tamat, apabila berlaku mana-mana yang terdahulu dari perkara-perkara berikut:

- 5.1 apabila perlindungan terhadap Orang Yang Dilindungi ditamatkan di bawah Klausula 14 Jadual Kedua; atau
- 5.2 apabila Sijil Takaful Asas ditamatkan sepertimana di dalam Klausula 9 Jadual Ketiga
- 5.3 pada ulangtahun Sijil Takaful Individu serta-merta selepas harijadi Orang Yang Dilindungi yang keenam puluh lima (ke-65) tahun ; atau
- 5.4 apabila jumlah penuh perlindungan di bawah Jadual Keempat ini habis dibayar seperti di Klausula 2.

Penamatan Sijil Takaful Tambahan ini adalah tanpa prasangka terhadap mana-mana tuntutan yang dibuat sebelum penamatannya.



Takaful
IKHLAS®

JADUAL KELIMA

MANFAAT PENYAKIT KRITIKAL PRA-BAYAR

SIJIL TAKAFUL TAMBAHAN INI dikeluarkan dan membentuk sebahagian daripada Sijil Takaful Induk di mana ianya dilampirkan.

1. DEFINISI

“Diagnosis” Membawa maksud diagnosis (kenalpasti penyakit) yang dilakukan oleh Pakar Perubatan dengan definisi seperti dinyatakan di bawah, berasaskan kepada bukti terperinci yang diperlukan bagi setiap Penyakit Kritikal Yang Dilindungi seperti yang disenaraikan di bawah, dengan disokong oleh bukti radiologi, klinikal, histologi atau makmal yang dipersetujui dan diterima oleh Syarikat. Sekiranya timbul sebarang kekeliruan berkenaan kesesuaian atau kesahihan sesuatu diagnosis, Syarikat berhak melantik Pakar Perubatan yang lain untuk mengulangi pemeriksaan ke atas Orang Yang Dilindungi atau/dan juga mengulangi pemeriksaan ke atas sebarang bukti-bukti perubatan yang menyebabkan tercapainya diagnosis penyakit tersebut. Pendapat Pakar Perubatan yang dipilih ini akan menjadi sebahagian daripada bukti-bukti yang menjadi pengikat kontrak antara Orang Yang Dilindungi dan Syarikat.

2. PEMBAYARAN MANFAAT

2.1. Jika, selepas perlindungan ini telahpun berkuatkuasa selama tiga puluh (30) hari, dari Tarikh Efektif, Orang Yang Dilindungi disahkan menghidap mana-mana dari Penyakit Kritikal yang dilindungi yang didefinisikan kemudian daripada ini dan hidup sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari daripada tarikh disahkan menghidap penyakit tersebut, maka Syarikat akan, selepas menerima bukti yang sahih serta memuaskan akan penyakit yang disahkan dihidapi, membayar sejumlah pampasan yang berkaitan dengan Penyakit Kritikal yang dilindungi seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama. Manfaat Takaful ini dijamin oleh Dana Risiko.

2.2. Manfaat perlindungan bagi Sijil Asas Takaful kemudiannya akan dikurangkan mengikut jumlah bayaran yang dibuat ke atas Sijil Takaful Tambahan ini.

3. PENGEQUALIAN RISIKO

Sijil Takaful Tambahan ini tidak akan melindungi penyakit kritikal berpunca secara langsung atau tidak, sepenuhnya atau sebahagiannya, dari salah satu daripada kejadian-kejadian berikut:

- 3.1. Peperangan, penaklukan, ancaman musuh luar, permusuhan atau operasi-operasi berbentuk peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan ataupun tidak) atau perang saudara; atau
- 3.2. Pemberontakan, rusuhan awam, pemberontakan tentera atau orang awam, insureksi, penentangan, revolusi, perintah berkurung atau darurat atau apa-apa jua peristiwa ataupun penyebab yang boleh menentukan pengisytiharan ataupun penyelenggaraan perintah berkurung ataupun darurat; atau

- 3.3. Sebarang kegiatan pengganas. Untuk tujuan ini kegiatan keganasan bermaksud perlakuan atau perbuatan, termasuklah tetapi tidak terhad kepada penggunaan sebarang kuasa atau kekerasan atau kekejaman dan/atau ancaman dari situ, oleh mana-mana orang perseorangan atau kumpulan, sama ada bertindak secara persendirian atau berdasarkan perhubungan dengan mana-mana organisasi atau organisasi-organisasi atau kerajaan atau kerajaan-kerajaan, dilakukan atas sebab-sebab politik, keagamaan, ideologi atau sebarang niat mempengaruhi sebarang kerajaan atau organisasi dan / atau menyebabkan pihak awam, atau sebahagian darinya berada di dalam ketakutan; atau
- 3.4. Disebabkan oleh atau lanjutan daripada bunuh diri atau cubaan membunuh diri atau mencederakan diri sendiri dengan sengaja atau di bawah pengaruh alkohol atau narkotik atau dadah atau ketidaksiaman atau disebabkan oleh penyakit kelamin; atau
- 3.5. Ketidakupayaan yang ditanggung oleh Orang Yang Dilindungi apabila melibatkan diri, mengendalikan atau melakukan servis, menaiki atau menuruni daripada atau dengan sebarang alat penerbangan atau kenderaan termasuk terjunan udara, payung terjun, lompatan bungee, peluncuran gantung atau belon udara kecuali apabila Orang Yang Dilindungi berada di dalam kapal terbang yang dikendalikan oleh penerbangan komersial dengan jadual penerbangan yang teratur mengikut destinasi yang telah ditetapkan; atau
- 3.6. Sebarang ketidakpatuhan undang-undang oleh Orang Yang Dilindungi atau kesalahan yang dicetuskan olehnya; atau
- 3.7. Kecederaan yang disebabkan oleh pembelahan nuklear, percantuman nuklear, alat senjata nuklear atau pencemaran radioaktif; atau
- 3.8. Sebarang keadaan sedia wujud sebelum penerimaan perlindungan; atau
- 3.9. Jika penyakit tersebut didiagnos dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh kuatkuasa Sijil Takaful Tambahan ini atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana terkemudian, kecuali jika disebabkan oleh Kemalangan; atau
- 3.10. Bagi Orang Yang Dilindungi yang merupakan kanak-kanak, sebarang kecacatan atau kekurangan semenjak lahir adalah dikecualikan.

4. PENYAKIT KRITIKAL YANG DILINDUNG

4.1. Terma-terma Am

- I. **Tidak Boleh Pulih** bermaksud tidak boleh dipulihkan dengan sewajarnya oleh rawatan perubatan dan/atau prosedur pembedahan yang konsisten dengan piawaian semasa perkhidmatan perubatan yang boleh didapati di Malaysia.
- II. **Kekal** bermaksud dijangka untuk kekal seumur hidup Orang Yang Dilindungi.
- III. **Defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan** bermaksud symptom disfungsi dalam sistem saraf yang didapati semasa pemeriksaan klinikal dan dijangka kekal seumur hidup Orang Yang Dilindungi. Simptom-symptom yang dilindungi termasuk kebas, lumpuh, kelemahan setempat, dysarthria (kesukaran bertutur), aphasia (ketidakupayaan bertutur),



dysphagia (kesukaran menelan), kecacatan visual, kesukaran berjalan, kekurangan koordinasi, tremor, sawan, demensia, delirium dan koma.

IV. Aktiviti Kehidupan Harian (ADL) adalah seperti berikut:

(i) Pemindahan

Duduk dan bangun dari kerusi tanpa memerlukan bantuan fizikal.

(ii) Pergerakan

Keupayaan untuk bergerak dari satu bilik ke bilik yang lain tanpa memerlukan bantuan fizikal.

(iii) Perihal Mengawal

Keupayaan untuk mengawal fungsi usus dan pundi kencing secara sendirinya seperti menjaga kebersihan diri.

(iv) Pemakaian

Memakai dan menanggalkan kesemua pakaian yang perlu tanpa memerlukan bantuan orang lain.

(v) Mandi/Membersihkan Diri

Keupayaan untuk membersihkan diri di tempat mandi tab atau mandi pancuran (termasuk memasuki dan keluar dari tempat mandi tab atau mandi pancuran) atau membersihkan diri dengan cara yang lain.

(vi) Makan

Kesemua tugas memasukkan makanan ke dalam badan apabila makanan telah disediakan.

V. Tempoh Penilaian bermaksud tempoh yang mana pengendali Takaful akan menilai keadaan sebelum menentukan samada keadaan tersebut layak atau tidak dikira sebagai kekal. Tempoh penilaian adalah untuk jangka masa tempoh minimum yang dinyatakan dalam definisi yang berkaitan dan tidak akan lebih daripada dua belas (12) bulan (dengan syarat segala bukti yang diperlukan telah diserahkan).

4.2. Definisi – definisi Penyakit Kritikal

4.2.1. Strok/Angin Ahmar – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom- simptom klinikal berterusan.

Kematian tisu otak akibat bekalan darah yang tidak cukup, pendarahan dalam tengkorak atau embolisasi dari satu sumber selain dari kranium yang mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan. Diagnosis ini mesti berdasarkan kepada perubahan yang boleh dilihat pada imbasan CT atau MRI dan disahkan oleh seorang pakar neurologi. Tempoh Penilaian minimum selama tiga (3) bulan adalah digunapakai.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (i) Serangan iskemia sementara (TIA)
- (ii) Simptom-simptom serebral yang disebabkan oleh migrain
- (iii) Kecederaan traumatik pada tisu otak atau salur-salur darah



- (iv) Penyakit vaskular yang memberi kesan terhadap mata atau saraf optik atau fungsi- fungsi vestibular

4.2.2. Serangan Jantung – keterukan tertentu

Kematian otot jantung, disebabkan oleh kekurangan bekalan darah yang telah menyebabkan infarksi miokardium akut dengan semua bukti berikut:

- (i) Sejarah sakit dada tipikal;
- (ii) Perubahan ciri baru elektrokardiografik; dengan pembentukan salah satu daripada yang berikut: peningkatan atau penurunan ST, penyonsangan (inversi) gelombang T, patologi gelombang Q atau blok cabang berkas kiri; dan
- (iii) Peningkatan petunjuk kardiak, termasuk CPK-MB melebihi tahap normal makmal yang diterima secara umum atau Troponin yang direkodkan berada di peringkat berikut atau lebih tinggi:
 - Troponin T Kardiak atau Troponin I Kardiak ≥ 0.5 ng/ml.

Bukti mesti menunjukkan kejadian infarksi miokardium akut adalah pasti, yang mana seharusnya disahkan oleh pakar kardiologi atau pakar perubatan.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- kejadian sindrom koronari akut termasuk tetapi tidak terhad kepada angina tidak stabil.
- peningkatan petunjuk kardiak akibat daripada prosedur perkutaneus untuk penyakit arteri koronari.

4.2.3. Kegagalan Buah Pinggang – memerlukan dialisis atau transplan buah pinggang

Kegagalan buah pinggang peringkat akhir yang dikemukakan sebagai kegagalan kronik tidak boleh pulih pada kedua-dua buah pinggang untuk berfungsi, yang mengakibatkan dialisis secara berkala dimulakan atau transplan buah pinggang perlu dijalankan.

4.2.4. Kanser – keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal

Sebarang tumor malignan yang didiagnos positif dengan pengesahan histologi dan bercirikan pertumbuhan sel malignan yang tidak terkawal dan serangan tisu. Terma tumor malignan termasuk leukimia, limfoma dan sarcoma.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (i) Semua kanser yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai berikut:
 - pra-malignan
 - bukan invasive
 - karsinoma in situ
 - mempunyai malignan pinggir (borderline)
 - mempunyai potensi malignan
- (ii) Semua tumor prostat yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM)
- (iii) Semua tumor tiroid yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM)

- (iv) Semua tumor pundi kencing yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM)
- (v) Leukemia Limfositik Kronik kurang daripada RAI Tahap 3
- (vi) Semua kanser dengan kewujudan HIV
- (vii) Sebarang kanser kulit selain melanoma malignan

4.2.5. Pembedahan Pintasan Arteri Koronari

Merujuk kepada pembedahan bukaan dada sebenar untuk memulihkan atau merawat Penyakit Arteri Koronari (CAD) dengan cara cantuman pintasan arteri koronari.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (i) angioplasti;
- (ii) teknik intra-arteri yang lain atau teknik berasaskan kateter;
- (iii) prosedur lubang kunci (keyhole);
- (iv) prosedur laser.

4.2.6. Penyakit Arteri Koronari Serius

Penyempitan lumen bagi Arteri Koronari Kanan (RCA), Anterior Kiri Arteri Menurun (LAD) dan Arteri Sirkumfleks (tidak termasuk cabang-cabang), berlaku pada masa yang sama dengan minimum enam puluh peratus (60%) dalam setiap arteri seperti yang dibuktikan oleh arteriografi koronari (prosedur diagnostik bukan invasif adalah tidak dilindungi). Penyempitan sebanyak enam puluh peratus (60%) atau lebih pada Stem Utama Kiri akan dianggap sebagai penyempitan Anterior Kiri Arteri Menurun (LAD) dan Arteri Sirkumfleks. Kejadian yang dilindungi akan dibayar tidak mengira samada sebarang bentuk pembedahan arteri koronari telah dijalankan atau tidak.

4.2.7. Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari

Menjalani Angioplasti Balon Arteri Koronari, arterektomi, rawatan laser atau memasukkan sten buat pertama kali untuk membetulkan satu atau lebih arteri koronari yang sempit atau tersumbat seperti yang dibuktikan oleh angiografi.

Prosedur penyalakan intra-arteri adalah tidak dilindungi. Pembayaran di bawah klausa ini adalah terhadap kepada sepuluh peratus (10%) daripada perlindungan Penyakit Kritikal di bawah sijil ini tertakluk kepada jumlah maksimum RM25,000. Kejadian yang dilindungi akan dibayar sekali sahaja dan akan ditolak daripada amaun Kontrak ini, sekali gus mengurangkan amaun Bayaran Sekaligus yang boleh dibayar.

4.2.8. Kegagalan Hati Tahap Akhir

Kegagalan hati tahap akhir dibuktikan oleh semua yang berikut:

- Jaundis kekal;
- Asites (lebih cecair dalam kaviti peritoneal); dan
- Ensefalopati hepatic.

Kegagalan hati berpunca dari alkohol atau penyalahgunaan dadah adalah tidak dilindungi.



4.2.9. Hepatitis Viral Fulminan

Nekrosis (kematian tisu hati) yang separa besar (sub-masif) kepada besar (masif) yang disebabkan oleh sebarang virus seperti yang dibuktikan oleh semua kriteria diagnostik yang berikut:

- (i) Penyusutan saiz hati dengan pantas seperti yang disahkan oleh ultrasound abdomen;
- (ii) Nekrosis (kematian tisu) melibatkan keseluruhan lobula, meninggalkan hanya satu rangka retikulum;
- (iii) Ujian kefungsi hati yang semakin merosot; dan
- (iv) Jaundis yang semakin mendalam.

Jangkitan viral hepatitis atau status pembawa sahaja (termasuk tetapi tidak terhad kepada Hepatitis B dan Hepatitis C) tanpa kriteria diagnostik di atas adalah tidak dilindungi.

4.2.10. Koma – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal yang berterusan

Keadaan tidak sedar diri tanpa sebarang gerak balas atau tindak balas terhadap rangsangan luar atau keperluan dalaman, yang berterusan untuk sekurang-kurangnya sembilan puluh enam (96) jam, memerlukan penggunaan sistem sokongan hayat dan mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan. Tempoh Penilaian minimum selama tiga puluh (30) hari adalah digunapakai. Pengesahan oleh pakar neurologi mesti dikemukakan.

Berikut adalah tidak dilindungi:

- (i) Koma diakibatkan langsung daripada penyalahgunaan alkohol atau dadah

4.2.11. Tumor Otak Benign – keterukan tertentu

Tumor benign dalam otak atau meninges dalam tengkorak, di mana semua keadaan berikut dipenuhi:

- (i) Ia mengancam nyawa;
- (ii) Ia menyebabkan kerosakan otak;
- (iii) Ia telah dibuang secara pembedahan ataupun ia telah menyebabkan defisit neurologi yang kekal dengan simptom klinikal berterusan; dan
- (iv) Kewujudannya mesti disahkan oleh pakar neurologi atau pakar bedah neurologi dan disokong oleh imbasan MRI, CT atau teknik-teknik pengimejan lain yang boleh dipercayai.

Berikut adalah tidak dilindungi:

- (i) Sista,
- (ii) Granuloma,
- (iii) Kecacatan dalam atau pada arteri atau vena otak,
- (iv) Hematoma,
- (v) Tumor di dalam kelenjar pituitary
- (vi) Tumor di dalam tulang belakang
- (vii) Tumor saraf akustik.

4.2.12. Kelumpuhan Anggota

Hilang penggunaan penuh, kekal dan tidak boleh pulih kedua-dua tangan atau kedua-dua kaki, atau satu tangan dan satu kaki, akibat lumpuh disebabkan oleh penyakit atau kecederaan. Tempoh Penilaian minimum selama enam (6) bulan adalah digunapakai.

4.2.13. Buta – Kekal dan Tidak boleh Pulih

Kehilangan penglihatan kekal dan tidak boleh pulih akibat kemalangan atau penyakit sehingga suatu tahap apabila diuji menggunakan alat bantuan penglihatan, penglihatan diukur pada 3/60 atau lebih teruk untuk kedua-dua belah mata menggunakan carta mata Snellen atau ujian yang setara dan keputusan tersebut mestilah disahkan oleh pakar oftalmologi.

4.2.14. Pekak – Kekal dan Tidak boleh pulih

Hilang Upaya mendengar secara kekal dan tidak boleh pulih akibat kemalangan atau penyakit sehingga suatu tahap kehilangan yang lebih daripada 80 desibel merentasi semua frekuensi pendengaran pada kedua-dua belah telinga. Bukti perubatan di dalam bentuk keputusan ujian audiometri dan ujian ambang bunyi mesti disediakan dan disahkan oleh pakar Telinga, Hidung dan Tekak (ENT).

4.2.15. Kelecuman Tahap Ketiga – keterukan tertentu

Lecuran kulit tahap ketiga (iaitu ketebalan penuh) meliputi sekurang-kurangnya dua puluh peratus (20%) daripada jumlah kawasan permukaan badan.

4.2.16. Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah

Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) melalui transfusi darah, dengan syarat semua keadaan berikut dipenuhi:

- (i) Transfusi darah adalah keperluan dari segi perubatan atau diberi sebagai sebahagian daripada rawatan perubatan;
- (ii) Transfusi darah adalah diterima di Malaysia atau Singapura selepas kuatkuasa sijil;
- (iii) Sumber jangkitan adalah didapati daripada institusi yang memberikan transfusi darah atau institusi yang boleh mengesan punca darah yang dicemari HIV;
- (iv) Orang yang Dilindungi tidak menghidap hemofilia; dan
- (v) Orang yang Dilindungi bukan ahli mana-mana kumpulan berisiko tinggi termasuk tetapi tidak terhad kepada pengguna dadah intravena.

4.2.17. Penyakit Paru-paru Tahap Akhir

Penyakit paru-paru tahap akhir yang menyebabkan kegagalan pernafasan kronik. Semua kriteria berikut mestilah dipenuhi:

- (i) Keperluan rawatan oksigen berkala secara kekal;
- (ii) Gangguan kekal pada fungsi paru-paru dengan Isi padu Ekspirasi Paksa (FEV) yang konsisten kurang daripada satu (1) liter pada saat pertama;



- (iii) Sesak nafas dalam keadaan rehat; dan
- (iv) Analisis Asas Gas Darah Arteri dengan tekanan oksigen separa sebanyak 55mmHg atau kurang.

4.2.18. Ensefalitis – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian

Keradangan teruk bahan otak, mengakibatkan kecacatan fungsian kekal. Kecacatan fungsian kekal mesti mengakibatkan ketidakupayaan untuk melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) Aktiviti Kehidupan Harian. Tempoh Penilaian minimum selama tiga puluh (30) hari adalah digunakan. Kejadian yang dilindungi mestilah disahkan oleh pakar neurologi.

Ensefalitis dengan kewujudan jangkitan HIV adalah tidak dilindungi.

4.2.19. Transplan Organ Utama/Sumsum Tulang

Penerimaan transplan seperti berikut:

- Sumsum tulang manusia menggunakan sel stem hematopoietik didahului dengan ablasi sumsum tulang menyeluruh; atau
- Salah satu daripada organ-organ manusia berikut: jantung, paru-paru, hati, buah pinggang, pankreas yang tidak dapat dipulihkan akibat kegagalan tahap akhir organ yang berkenaan.

Lain-lain pemindahan sel stem adalah tidak dilindungi.

4.2.20. Hilang Keupayaan Bertutur

Hilang keupayaan bertutur sepenuhnya, berkekalan dan tidak boleh pulih disebabkan oleh kecederaan atau penyakit. Tempoh Penilaian minimum selama enam (6) bulan adalah digunakan. Bukti perubatan untuk mengesahkan kecederaan atau penyakit kepada peti suara untuk menyokong kehilangan upaya ini mesti diberikan oleh pakar Telinga, Hidung dan Tekak (ENT).

Semua sebab yang berkaitan psikiatrik adalah tidak dilindungi. ®

4.2.21. Pembedahan Otak

Menjalani pembedahan ke atas otak di mana kraniotomi (pembedahan bukaan tengkorak) dilakukan di bawah anestesia am.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (i) Prosedur lubang gerudi (burr hole)
- (ii) Prosedur transfenoid
- (iii) Prosedur bantuan endoskopik atau lain-lain prosedur invasif secara minimum
- (iv) Pembedahan otak akibat kemalangan.

4.2.22. Pembedahan Injap Jantung

Menjalani pembedahan jantung terbuka untuk menggantikan atau membaiki injap jantung disebabkan oleh kecacatan atau keabnormalan injap jantung.



Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (i) Pembaikan menerusi prosedur intra-arteri
- (ii) Pembaikan menerusi pembedahan lubang kunci atau lain-lain teknik yang serupa.

4.2.23. Kehilangan upaya hidup sendiri (berdikari)

Pengesahan oleh pakar yang bersesuaian mengenai kehilangan upaya untuk hidup berdikari dan mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Aktiviti Kehidupan Harian. Tempoh Penilaian minimum selama enam (6) bulan adalah digunapakai.

4.2.24. Meningitis Bakteria – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian

Meningitis bakteria yang menyebabkan radang pada membran-membran otak atau saraf tunjang yang mengakibatkan kerosakan fungsi kekal. Kerosakan fungsi kekal mesti menyebabkan ketidakupayaan kekal untuk menjalankan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Aktiviti Kehidupan Harian. Tempoh Penilaian minimum selama tiga puluh (30) hari adalah digunapakai.

Diagnosis hendaklah disahkan oleh:

- (i) seorang doktor pakar yang bersesuaian; dan
- (ii) kehadiran jangkitan kuman (bakteria) di dalam cecair serebrospina oleh punktur lumbar.

Untuk definisi di atas, lain-lain bentuk meningitis, termasuk meningitis viral adalah tidak dilindungi.

4.2.25. Trauma Kepala Major (teruk) – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian

Kecederaan fizikal di kepala yang mengakibatkan kerosakan kekal terhadap fungsian yang disahkan oleh pakar neurologi. Kerosakan kekal fungsian mesti menyebabkan ketidakupayaan untuk menjalankan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Aktiviti Kehidupan Harian. Tempoh Penilaian minimum selama tiga (3) bulan digunapakai.

4.2.26. Anemia Aplastik Kronik – mengakibatkan Kegagalan Kekal Sumsum Tulang

Kegagalan kekal dan tidak boleh pulih sumsum tulang yang menyebabkan anemia, neutropenia dan trombositopenia memerlukan sekurang-kurangnya dua (2) daripada rawatan berikut:

- (i) Tranfusi produk darah berkala;
- (ii) Agen perangsang sumsum;
- (iii) Agen imunosupresif; atau
- (iv) Transplan sumsum tulang.

Diagnosis mesti disahkan oleh biopsi sumsum tulang.



4.2.27. Penyakit Neuron Motor – defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan

Diagnosis muktamad penyakit neuron motor oleh pakar neurologi dengan merujuk kepada atrofi otot tulang belakang, bulbar palsy progresif, sclerosis amiotrofik lateral atau sclerosis lateral utama. Mesti ada kekurangan neurologi kekal bersama dengan simptom klinikal berterusan.

4.2.28. Penyakit Parkinson – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian

Diagnosis muktamad Penyakit Parkinson oleh pakar neurologi di mana semua keadaan berikut dipenuhi:

- (i) Tidak boleh dikawal dengan ubat-ubatan;
- (ii) Menunjukkan tanda-tanda kemerosotan progresif; dan
- (iii) Pengesahan ketidakupayaan kekal Orang Yang Dilindungi untuk melakukan tiga (3) atau lebih daripada Aktiviti Kehidupan Harian tanpa bantuan.

Hanya penyakit Parkinson idiopatik sahaja yang dilindungi. Parkinson yang disebabkan oleh ubat-ubatan atau toksik adalah tidak dilindungi.

4.2.29. Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk

Kemerosotan atau hilang keupayaan intelektual yang disahkan dengan penilaian klinikal dan ujian imej diakibatkan oleh Penyakit Alzheimer atau Dementia Teruk yang disebabkan oleh kecelaruan otak organik yang tidak boleh pulih. Kejadian yang dilindungi ini mesti mengakibatkan pengurangan ketara fungsi mental dan sosial yang memerlukan pengawasan berterusan ke atas Orang Yang Dilindungi. Diagnosis mesti disahkan secara klinikal oleh pakar neurologi.

Berdasarkan definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (i) Kecelaruan otak bukan organik seperti neurosis;
- (ii) Penyakit psikiatrik;
- (iii) Kerosakan otak berkaitan dadah atau alkohol.

4.2.30. Distrofi Otot

Diagnosis muktamad Distrofi Otot oleh pakar neurologi dan mesti disokong oleh kesemua berikut:

- (i) Penampilan klinikal kelemahan otot yang progresif;
- (ii) Tiada penglibatan saraf tengah / periferi sebagai bukti untuk kehilangan gangguan sensor;
- (iii) Hasil penemuan ciri-ciri elektromiogram dan biopsi otot.

Tiada manfaat akan dibayar di bawah Peristiwa Dilindungi sebelum Orang Yang Dilindungi mencapai umur 12 tahun tarikh lahir berikutnya.

4.2.31. Pembedahan Aorta

Menjalani pembedahan menerusi torakotomi atau laparotomi (pembedahan bukaan dada atau abdomen) untuk membetulkan



aneurisme aorta, sekatan aorta atau pembelahan aorta. Untuk definisi ini, aorta hendaklah bermaksud aorta di bahagian dada dan abdomen tetapi bukan cabangnya.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (i) angioplasti;
- (ii) lain-lain kaedah intra-arteri atau teknik berasaskan kateter;
- (iii) prosedur lubang kunci yang lain;
- (iv) prosedur laser.

4.2.32. Sklerosis Multipel

Diagnosis muktamad sklerosis multipel oleh pakar neurologi. Diagnosis mestilah disokong oleh semua perkara berikut:

- (i) Siasatan yang mengesahkan bahawa diagnosis adalah Sklerosis Multipel;
- (ii) Defisit neurologi berbilang yang menyebabkan kecacatan fungsi motor dan deria untuk tempoh yang berterusan sekurang-kurangnya enam (6) bulan; dan
- (iii) Sejarah eksaserbasi dan peredaan bagi simptom-simptom yang disebut dan defisit neurologi yang didokumenkan dengan baik.

4.2.33. Hipertensi Arteri Pulmonari Primer – keterukan tertentu

Diagnosis muktamad hipertensi pulmonari primer dengan pembesaran ketara ventrikel kanan yang ditentukan menerusi penyalatan termasuk kateter jantung, yang menyebabkan kecacatan fizikal kekal sehingga tahap sekurang-kurangnya klasifikasi Kelas III Persatuan Jantung New York (NYHA) bagi kerosakan jantung.

Hipertensi arteri pulmonari disebabkan oleh sebab-sebab lain adalah dikecualikan daripada manfaat ini.

Klasifikasi NYHA bagi Kerosakan Jantung untuk Kelas III dan Kelas IV bermaksud seperti berikut:

- Kelas III: Aktiviti fizikal yang terhad. Selesa ketika rehat, tetapi aktiviti yang kurang daripada kebiasaan akan menyebabkan simptom-simptom.
- Kelas IV: Tidak boleh terlibat dalam apa jua aktiviti fizikal tanpa merasa tidak selesa.

Simptom-simptom mungkin muncul walaupun ketika rehat.

4.2.34. Penyakit Sistik Medular

Penyakit buah pinggang keturunan yang progresif dicirikan oleh kewujudan sista dalam medula, atrofi tubular dan fibrosis interstitial dengan manifestasi klinikal seperti anemia, poliuria dan kehilangan natrium dari ginjal, yang menyebabkan kegagalan ginjal kronik. Diagnosis mestilah disokong oleh biopsi ginjal.



4.2.35. Kardiomiopati – keterukan tertentu

Diagnosis muktamad kardiomiopati oleh pakar kardiologi yang menyebabkan kerosakan fungsi ventrikel kekal dan menyebabkan kerosakan fizikal kekal pada sekurang-kurangnya klasifikasi kelas III Persatuan Jantung New York (NYHA) mengenai kerosakan jantung. Diagnosis hendaklah disokong oleh hasil penemuan ekokardiografik untuk prestasi ventrikel yang dikompromi.

Klasifikasi NYHA bagi Kerosakan Jantung untuk Kelas III dan Kelas IV bermaksud seperti berikut:

- Kelas III: Aktiviti fizikal yang terhad. Selesa ketika rehat, tetapi aktiviti yang kurang daripada kebiasaan akan menyebabkan simptom-simptom.
- Kelas IV: Tidak boleh terlibat dalam apa jua aktiviti fizikal tanpa merasa tidak selesa.

Simptom-simptom mungkin muncul walaupun ketika rehat.

Kardiomiopati yang berkait langsung dengan penyalahgunaan alkohol atau dadah adalah tidak dilindungi.

4.2.36. Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang Yang Teruk

Diagnosis muktamad Lupus Eritematosus Sistemik yang disahkan oleh pakar reumatologi.

Untuk definisi ini, kejadian yang dilindungi akan dibayar jika ia mengakibatkan Lupus Nefritis Jenis III hingga Jenis V, yang dibuktikan oleh biopsi ginjal. Bentuk lain seperti lupus diskoid, atau jenis lain dengan hematologi atau penglibatan sendi sahaja adalah tidak dilindungi.

Klasifikasi Lupus oleh WHO:-

Jenis III : Glomerulonefritis Segmen Fokus

Jenis IV : Glomerulonefritis Resap

Jenis V : Glomerulonefritis bermembran

5. NOTIS DAN BUKTI TUNTUTAN

- 5.1. Notis bertulis bagi membuat tuntutan di bawah Sijil Takaful Tambahan ini hendaklah di serahkan kepada pihak Syarikat dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh Penyakit Kritikal didiagnosis.
- 5.2. Kegagalan untuk mengemukakan notis tuntutan dalam tempoh yang telah ditetapkan tidak akan membatalkan tuntutan tersebut sekiranya dapat dibuktikan bahawa notis tuntutan tersebut sememangnya tidak dapat dikemukakan dalam tempoh tersebut di atas sebab-sebab yang munasabah dan juga notis tersebut telah dikemukakan dengan seberapa segera yang mungkin.
- 5.3. Tiada manfaat Penyakit Kritikal yang akan dibayar, kecuali atau apabila pihak Syarikat menerima notis sepertimana yang dinyatakan, dan apabila semua dokumen dan maklumat diserahkan kepada pihak Syarikat. Sekiranya dikehendaki, pihak Syarikat berhak mengarahkan Orang Yang Dilindungi



menjalani pemeriksaan kesihatan yang akan dilakukan oleh panel yang dilantik oleh pihak Syarikat atau menjalani rawatan perubatan atau pembedahan yang panel Doktor merasakan perlu.


6. PENAMATAN

Sijil Takaful Tambahan ini akan secara automatiknya tamat, apabila berlaku mana-mana yang terdahulu dari perkara-perkara berikut:-

- 6.1. apabila perlindungan terhadap Orang Yang Dilindungi ditamatkan di bawah Klausu 14 Jadual Kedua; atau
- 6.2. apabila Sijil Takaful Asas ditamatkan sepertimana di dalam Klausu 9 Jadual Ketiga; atau
- 6.3. pada ulangtahun Sijil Takaful Individu serta-merta selepas harijadi Orang Yang Dilindungi yang keenam puluh lima (ke-65) tahun ; atau
- 6.4. apabila jumlah penuh perlindungan di bawah Jadual Kelima ini habis dibayar seperti di Klausu 2.

Penamatan Sijil Takaful Tambahan ini adalah tanpa prasangka terhadap mana-mana tuntutan yang dibuat sebelum penamatannya.

Takaful
IKHLAS®



JADUAL KEENAM

MANFAAT HOSPITAL

SIJIL TAKAFUL TAMBAHAN INI dikeluarkan dan membentuk sebahagian daripada Sijil Takaful Induk di mana ianya dilampirkan.

1. DEFINISI

- 1.1. **"Hospital Awam"** bermaksud Hospital yang mengenakan yuran perkhidmatan tertakluk Akta Fee 1951 Perintah Fee (Perubatan) 1982 dan/atau sebarang pindaan berikutnya.
- 1.2. **"Hospital"** bermaksud pertubuhan yang ditubuhkan dan didaftarkan sebagai hospital untuk jagaan dan rawatan orang yang sakit dan cedera sebagai pesakit atas katil berbayar, yang:
 - i) mempunyai kemudahan untuk diagnosis dan pembedahan besar;
 - ii) menyediakan khidmat jagaan 24 jam sehari oleh jururawat berdaftar dan bertauliah;
 - iii) di bawah penyeliaan Pengamal Perubatan; dan
 - iv) bukan klinik; tempat untuk orang ketagih alkohol dan dadah; pusat jagaan atau rumah pemulihan atau rumah orang tua atau pertubuhan yang seumpama dengannya.
- 1.3. **"Hari Hospital"** bermaksud jam minima kemasukan berterusan ke hospital yang diperlukan untuk mengklasifikasikan Orang Yang Dilindungi sebagai dimasukkan ke hospital, bersamaan dengan enam (6) jam atau lebih.
- 1.4. **"Kemasukan ke Hospital"** bermaksud penerimaan masuk ke Hospital sebagai pesakit berdaftar untuk menerima Perubatan yang Diperlukan bagi hilang upaya seperti yang di syorkan oleh Doktor. Pesakit tidak boleh dianggap sebagai pesakit dalam jika secara fizikalnya pesakit tidak tinggal di dalam Hospital bagi keseluruhan tempoh kemasukan ke Hospital.
- 1.5. **"Kecederaan Akibat Kemalangan"** bermaksud kecederaan pada tubuh badan, yang diakibatkan dari sesuatu kemalangan secara khusus, langsung dan bebas daripada lain-lain faktor yang mana kemalangan tersebut disebabkan oleh perkara luaran, ganas dan nyata.

2. PEMBAYARAN MANFAAT TAKAFUL

- 2.1 **Jika, selepas perlindungan ini telahpun berkuatkuasa selama tiga puluh (30) hari, dari Tarikh Efektif, kecuali jika kemasukan ke hospital tersebut adalah kerana Kecederaan Akibat Kemalangan, Orang Yang Dilindungi ditahan di dalam pusat Hospital Awam termasuk Hospital pelatih perubatan kerajaan di Malaysia atau di Hospital yang dibenarkan oleh Syarikat, setelah disyorkan dan mendapat kebenaran Doktor yang sah dan berkeelayakan, maka tertakluk kepada peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam ini, Syarikat akan membayar elaun harian hospital pada kadar yang ditunjukkan di dalam Sijil Takaful Individu kepada Pemegang Sijil Takaful Induk untuk diserahkan kepada Orang Yang Dilindungi, mengikut tempoh beliau ditahan.**



- 2.2 Pembayaran manfaat hanya akan berkuatkuasa sekiranya Orang Yang Dilindungi dimasukkan ke hospital lebih dari enam (6) jam (tidak termasuk Rawatan Penjagaan Harian) dan maksima bilangan hari manfaat hospital ini adalah terhad kepada jumlah agregat tiga ratus enam puluh lima (365) hari ke atas semua sebab-sebab kemasukan ke hospital.
- 2.3 Jumlah maksima bilangan hari bagi manfaat ini adalah seratus lapan puluh (180) hari bagi setiap kemasukan ke hospital akibat daripada kemalangan atau sakit.

3 PENGECUALIAN RISIKO

Sijil Takaful Tambahan ini tidak akan melindungi sebarang kemasukan ke hospital berpunca secara langsung atau tidak, sepenuhnya atau sebahagiannya, dari salah satu daripada kejadian-kejadian berikut:

- 3.2 Peperangan, penaklukan, ancaman musuh luar, permusuhan atau operasi-operasi berbentuk peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan ataupun tidak) atau perang saudara.
- 3.3 Pemberontakan, rusuhan awam, pemberontakan tentera atau orang awam, insureksi, penentangan, revolusi, perintah berkurung atau darurat atau apa-apa jua peristiwa ataupun penyebab yang boleh menentukan pengisytiharan ataupun penyelenggaraan perintah berkurung ataupun darurat.
- 3.4 Sebarang kegiatan pengganas. Untuk tujuan ini kegiatan keganasan bermaksud perlakuan atau perbuatan, termasuklah tetapi tidak terhad kepada penggunaan sebarang kuasa atau kekerasan atau kekejaman dan/atau ancaman dari situ, oleh mana-mana orang perseorangan atau kumpulan, sama ada bertindak secara persendirian atau bersandarkan perhubungan dengan mana-mana organisasi atau organisasi-organisasi atau kerajaan atau kerajaan-kerajaan, dilakukan atas sebab-sebab politik, keagamaan, ideologi atau sebarang niat mempengaruhi sebarang kerajaan atau organisasi dan / atau menyebabkan pihak awam, atau sebahagian darinya berada di dalam ketakutan;
- 3.5 Disebabkan oleh atau lanjutan daripada cubaan membunuh diri atau mencederakan diri sendiri dengan sengaja atau di bawah pengaruh alkohol atau narkotik atau dadah atau ketidaksiuman atau disebabkan oleh penyakit kelamin;
- 3.6 Kecederaan yang ditanggung oleh Orang Yang Dilindungi apabila melibatkan diri, mengendalikan atau melakukan servis, menaiki atau menuruni daripada atau dengan sebarang alat penerbangan atau kenderaan termasuk terjunan udara, payung terjun, lompatan bungee, peluncuran gantung atau belon udara kecuali apabila Orang Yang Dilindungi berada di dalam kapal terbang yang dikendalikan oleh penerbangan komersial dengan jadual penerbangan yang teratur mengikut destinasi yang telah ditetapkan;
- 3.7 Kecederaan, penyakit atau keilangan yang bermula sebelum penerimaan perlindungan;
- 3.8 Sebarang ketidakpatuhan undang-undang oleh Orang Yang Dilindungi atau kesalahan yang dicetuskan olehnya;
- 3.9 Terlibat dalam sebarang aktiviti dalam air yang menggunakan alat pernafasan tiruan;



- 3.10 Kecederaan yang disebabkan oleh pembelahan nuklear, percantuman nuklear, alat senjata nuklear atau pencemaran radioaktif;
- 3.11 Sebarang rawatan atau ujian yang berkaitan dengan AIDS atau kewujudan sebarang Virus Human Immunodeficiency dan semua jenis penyakit akibat hubungan kelamin;
- 3.12 Rawatan Penjagaan Harian, Pembedahan kosmetik atau plastik, penjagaan gigi dan rawatan, perubahan jantina serta explorasi atau pembedahan eksperimen;
- 3.13 Berkaitan dengan kehamilan atau melahirkan anak;
- 3.14 Ujian atau rawatan berkaitan dengan ketidaksuburan, pencegah kehamilan, pemandulan, berkhatan atau sebarang jenis pengguguran disebabkan oleh masalah psikologi atau sosial, dan akibat daripadanya;
- 3.15 Keadaan Sedia Wujud sepertimana dinyatakan di dalam Jadual Kedua, dan/atau keadaan yang disebabkan oleh Keadaan Sedia Wujud kecuali yang mana ianya telah dimaklumkan dan diterima secara bertulis oleh Pihak Syarikat.
- 3.16 Sijil Takaful Tambahan ini adalah tidak melindungi kemasukan ke hospital dalam masa tiga puluh hari (30) hari dari tarikh pengeluaran atau tarikh Sijil Takaful ini dihidupkan semula kecuali kemasukan ke hospital tersebut adalah kerana Kecederaan Akibat Kemalangan. Kemasukan ke hospital di luar daripada Malaysia adalah tidak dilindungi di bawah Sijil Takaful Tambahan ini.

4 NOTIS DAN BUKTI TUNTUTAN

Notis terhadap tuntutan secara bertulis hendaklah diberikan kepada Syarikat dalam masa enam puluh (60) hari daripada tarikh keluar daripada hospital. Kegagalan untuk mengemukakan tuntutan dalam tempoh yang telah ditetapkan boleh menjadi sah jika dapat dibuktikan bahawa notis tuntutan tersebut sememangnya tidak dapat dikemukakan dalam tempoh masa tersebut di atas sebab-sebab yang munasabah dan notis berkenaan telah dikemukakan dengan seberapa segera yang boleh.

5 BUKTI PENGHOSPITALAN

Semua Sijil-sijil Takaful, maklumat atau bahan bukti yang diperlukan oleh Syarikat yang berkaitan dengan apa-apa tuntutan di bawah Sijil Takaful Tambahan ini hendaklah dikemukakan dalam bentuk dan jenis yang telah ditetapkan oleh Syarikat dan kosnya ditanggung oleh Orang Yang Dilindungi. Kesemua maklumat dan bahan bukti ini hendaklah dikemukakan kepada Syarikat dalam tempoh enam puluh (60) hari daripada tarikh berlakunya peristiwa-peristiwa yang dilindungi.

6 PEMERIKSAAN PERUBATAN

Selepas berlakunya sebarang kejadian yang boleh dituntut di bawah Sijil Takaful Tambahan ini, Orang Yang Dilindungi di atas perbelanjaan sendiri, adalah dikehendaki pada bila-bila masa yang munasabah hadir untuk pemeriksaan kesihatan yang dilakukan oleh pengamal perubatan yang berdaftar dan berkecualan yang dilantik oleh Syarikat.




7 PENAMATAN

Sijil Takaful Tambahan ini akan secara automatiknya tamat, apabila berlaku mana-mana yang terdahulu dari perkara-perkara berikut:-

- 7.2 apabila perlindungan terhadap Orang Yang Dilindungi ditamatkan di bawah Klausula 14 Jadual Kedua; atau
- 7.3 apabila Sijil Takaful Asas ditamatkan sepertimana di dalam Klausula 9 Jadual Ketiga ; atau
- 7.4 pada ulangtahun Sijil Takaful Individu serta-merta selepas harijadi Orang Yang Dilindungi yang keenam puluh lima (ke-65) tahun ; atau
- 7.5 apabila jumlah agregat kemasukan ke hospital mencapai tiga ratus enam puluh lima (365) hari.

Penamatan Sijil Takaful Tambahan ini adalah tanpa prasangka terhadap mana-mana tuntutan yang dibuat sebelum penamatannya.



Takaful
IKHLAS®



JADUAL KETUJUH

KEILATAN SEPARA KEKAL (PPD)

SIJIL TAKAFUL TAMBAHAN INI dikeluarkan dan membentuk sebahagian daripada Sijil Takaful Induk di mana ianya dilampirkan.

1. DEFINISI

- 1.1 "Kemalangan" bermaksud sesuatu peristiwa atau musibah yang berlaku secara tiba-tiba, tidak sengaja dan di luar jangkaan Orang Yang Dilindungi yang mengakibatkan kematian atau kecederaan tubuh badan.
- 1.2 "Kecederaan" bermaksud kecederaan pada tubuh badan, yang diakibatkan dari sesuatu kemalangan secara khusus, langsung dan bebas daripada lain-lain faktor yang mana kemalangan tersebut disebabkan oleh perkara luaran, ganas dan nyata.

2. PEMBAYARAN MANFAAT TAKAFUL

- 2.1. Jika semasa Sijil Takaful Tambahan ini berkuatkuasa, Orang Yang Dilindungi mengalami kehilangan fizikal atau kehilangan kegunaan anggota badan atau organ atau kehilangan penglihatan yang tidak boleh dipulih akibat daripada kemalangan seperti yang ditakrifkan, Pihak Syarikat, selepas menerima dan mengesahkan bukti, akan membayar pampasan berdasarkan Jadual Pampasan dengan syarat keilatan tersebut mestilah berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh kemalangan berlaku. Jumlah pampasan PPD adalah seperti yang dinyatakan dalam bentuk peratusan daripada Amaun Perlindungan PPD seperti tercatat di dalam Jadual Pampasan.
- 2.2. Orang Yang Dilindungi boleh membuat lebih daripada satu tuntutan di bawah faedah PPD, dengan syarat jumlah yang dibayar tidak melebihi 100% daripada Amaun Perlindungan. Sijil Takaful Tambahan masih berkuat kuasa sehingga 100% Amaun Perlindungan dituntut oleh Orang Yang Dilindungi dalam tempoh perlindungan tersebut, atau sehingga tamat tempoh.
- 2.3. Manfaat perlindungan bagi Sijil Takaful Asas kemudiannya akan dikurangkan mengikut jumlah bayaran yang dibuat ke atas Sijil Takaful Tambahan ini.


3. JADUAL PAMPASAN

(Manfaat Keilatan Separa Kekal - Disebabkan oleh kemalangan)

Keterangan Kecederaan	Peratus Pampasan
Kehilangan penglihatan kedua-dua mata yang tidak boleh disembuhkan	100%
Kehilangan kedua-dua belah tangan dari paras atau di atas pergelangan tangan	100%
Kehilangan kedua-dua belah kaki dari paras atau di atas pergelangan buku lali	100%



Keterangan Kecederaan	Peratus Pampasan
Kehilangan sebelah tangan dari paras atau di atas pergelangan tangan dan penglihatan sebelah mata	100%
Kehilangan sebelah kaki dari paras atau di atas pergelangan buku lali dan penglihatan sebelah mata	100%
Kehilangan sebelah belah tangan dari paras pergelangan tangan dan sebelah kaki dari paras atau di atas pergelangan buku lali	100%
Kehilangan sebelah tangan pada atau di atas pergelangan tangan	50%
Kehilangan sebelah kaki pada atau di atas pergelangan buku lali	50%
Kehilangan penglihatan pada sebelah mata	50%
Kehilangan penuh pendengaran pada kedua-dua belah telinga yang tidak dapat disembuhkan	50%
Kehilangan penuh pendengaran pada sebelah telinga yang tidak dapat disembuhkan	10%
Kehilangan penuh daya pertuturan yang tidak dapat disembuhkan	50%
Hilang:-	
a) Empat batang jari dan ibu jari dari sebelah tangan pada atau di atas sendi metacarpal	50%
b) Empat batang jari sebelah tangan pada atau di atas sendi metacarpal	40%
c) Ibu jari:	
i) kedua-dua ruas	25%
ii) satu ruas	10%
d) Jari telunjuk:	
i) ketiga-tiga ruas	10%
ii) dua ruas	8%
iii) satu ruas	4%
e) Jari tengah:	
i) ketiga-tiga ruas	6%
ii) dua ruas	4%
iii) satu ruas	2%
f) Jari manis:	
i) ketiga-tiga ruas	5%
ii) dua ruas	4%
iii) satu ruas	2%
g) Jari kelingking:	
i) ketiga-tiga ruas	4%
ii) dua ruas	3%
iii) satu ruas	2%
h) Metacarpi:	
i) pertama atau kedua	3%
ii) ketiga, keempat atau kelima	2%
i) Jari kaki	



Keterangan Kecederaan	Peratus Pampasan
i) kesemua jari sebelah kaki	15%
ii) kedua-dua ruas ibu jari kaki	5%
iii) satu ruas ibu jari kaki	2%
iv) selain dari ibu jari kaki, sekiranya lebih dari sebatang tiap-tiap satu	1%

Jika terdapat manfaat PPD yang tidak dinyatakan di atas, Pihak Syarikat berhak merujuk kepada penasihat perubatan Syarikat mengenai peratusan pampasan ketidakupayaan yang akan dibayar kepada Orang Yang Dilindungi.

4. PENGECUALIAN RISIKO

Sijil Takaful Tambahan ini tidak akan melindungi kehilangan atau kecacatan yang berpunca secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, dari salah satu daripada kejadian-kejadian berikut:-

- 4.1. Mencederakan diri sendiri atau sebarang percubaan ke atasnya samada di dalam keadaan siuman atau tidak; atau
- 4.2. Perkhidmatan ketenteraan atau tentera laut pada waktu perang yang diisytiharkan atau tidak, atau di bawah arahan bagi operasi ala peperangan atau pemulihan perintah awam; atau
- 4.3. Memasuki, mengendali, menyelenggara atau menuruni dari atau dengan sebarang perkhidmatan atau pengangkutan udara melainkan semasa Orang Yang Dilindungi berada di dalam kapal terbang yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan komersial dengan jadual penerbangan yang teratur mengikut destinasi yang telah ditetapkan; atau
- 4.4. Jika Orang Yang Dilindungi didapati dijangkiti oleh virus HIV atau Sindrom Kekurangan Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau penyakit yang disebarkan secara seksual; atau
- 4.5. Semasa Orang Yang Dilindungi berada di bawah pengaruh alkohol atau dadah selain dari yang telah dibenarkan oleh Doktor yang berdaftar; atau
- 4.6. Jika Orang Yang Dilindungi mengambil bahagian dalam mana-mana rusuhan atau melakukan kesalahan jenayah; atau
- 4.7. Jika Orang Yang Dilindungi didapati terlibat di dalam aktiviti-aktiviti penganas, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kuasa atau keganasan ataupun ancaman/ugutan kepada orang atau sekumpulan orang, sama ada tindakan perseorangan atau mewakili organisasi atau kerajaan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau atas tujuan yang sama untuk menarik perhatian dan mempengaruhi kerajaan untuk meletakkan orang awam atau mana-mana kawasan dalam ketakutan; atau
- 4.8. Keadaan Sedia Wujud sepertimana dinyatakan di dalam Jadual Kedua, dan/atau keadaan yang disebabkan oleh Keadaan Sedia Wujud kecuali yang mana ianya telah dimaklumkan dan diterima secara bertulis oleh Pihak Syarikat.



5. NOTIS DAN BUKTI TUNTUTAN

- 5.1. Notis bertulis bagi membuat tuntutan di bawah Sijil Takaful Tambahan ini hendaklah di serahkan kepada Pihak Syarikat dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh bermulanya Keilatan.
- 5.2. Kegagalan untuk mengemukakan notis tuntutan dalam tempoh yang telah ditetapkan tidak akan membatalkan tuntutan tersebut sekiranya dapat dibuktikan bahawa notis tuntutan tersebut sememangnya tidak dapat dikemukakan dalam tempoh tersebut di atas sebab-sebab yang munasabah dan juga notis tersebut telah dikemukakan dengan seberapa segera yang mungkin.
- 5.3. Tiada manfaat Keilatan Separa Kekal akan dibayar, kecuali atau apabila pihak Syarikat menerima notis sepertimana yang dinyatakan; mengenai kesakitan, penyakit yang menyebabkan tuntutan dibuat dan apabila semua dokumen dan maklumat diserahkan kepada pihak Syarikat. Sekiranya diperlukan oleh pihak Syarikat, Orang Yang Dilindungi perlu menjalani pemeriksaan kesihatan yang akan dilakukan oleh panel yang dilantik oleh pihak Syarikat.

6. PENAMATAN

Sijil Takaful Tambahan ini akan secara automatiknya tamat, apabila berlaku mana-mana yang terdahulu dari perkara-perkara berikut:-

- 6.1. apabila perlindungan terhadap Orang Yang Dilindungi ditamatkan di bawah Klausula 14 Jadual Kedua; atau
- 6.2. apabila Sijil Takaful Asas ditamatkan sepertimana di dalam Klausula 9 Jadual Ketiga; atau
- 6.3. pada ulangtahun Sijil Takaful Individu serta-merta selepas harijadi Orang Yang Dilindungi yang keenam puluh lima (ke-65) tahun; atau
- 6.4. apabila jumlah penuh perlindungan di bawah Jadual Ketujuh habis dibayar seperti di Klausula 2.

Penamatan Sijil Takaful Tambahan ini adalah tanpa prasangka terhadap mana-mana tuntutan yang dibuat sebelum penamatannya.



JADUAL KELAPAN

MANFAAT PERBELANJAAN SERTA-MERTA KEMATIAN

SIJIL TAKAFUL TAMBAHAN INI dikeluarkan dan membentuk sebahagian daripada Sijil Takaful Induk di mana ianya dilampirkan.

1. DEFINISI

"Orang Yang Dilindungi" bermaksud Orang Yang Dilindungi, Pasangan atau Kanak-kanak yang dilindungi di bawah Sijil Takaful Tambahan ini seperti yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

2. PEMBAYARAN MANFAAT TAKAFUL

Sekiranya Orang Yang Dilindungi meninggal dunia, pihak Syarikat akan membayar manfaat seperti yang dinyatakan dalam di dalam Sijil Takaful Individu kepada Pemegang Sijil Takaful Induk untuk diserahkan kepada Orang Yang Dilindungi atau Penama yang dinamakan oleh Orang Yang Dilindungi, sekiranya bukti yang memuaskan diterima.

Salah satu daripada dokumen ini akan dianggap bukti sah oleh pihak Syarikat dan pihak Syarikat akan membayar manfaat Perbelanjaan Serta-merta Kematian:


- (i) Sijil Kematian yang asli atau yang disahkan benar; atau
- (ii) Sijil Kematian atau Permit Pengkebumian yang asli atau disahkan benar.

3. PENAMATAN

Sijil Takaful Tambahan ini akan secara automatiknya tamat, apabila berlaku mana-mana yang terdahulu dari perkara-perkara berikut:-

- 3.1. apabila perlindungan terhadap Orang Yang Dilindungi ditamatkan di bawah Klausula 14 Jadual Kedua; atau
- 3.2. apabila Sijil Takaful Asas ditamatkan sepertimana di dalam Klausula 9 Jadual Ketiga; atau
- 3.3. pada ulangtahun Sijil Takaful Individu serta-merta selepas harijadi Orang Yang Dilindungi yang keenam puluh lima (ke-65) tahun; atau
- 3.4. apabila jumlah penuh perlindungan di bawah Jadual Kelapan ini habis dibayar seperti di Klausula 2.

Penamatan Sijil Takaful Tambahan ini adalah tanpa prasangka terhadap mana-mana tuntutan yang dibuat sebelum penamatannya.



LAMPIRAN 1: RINGKASAN MANFAAT TAKAFUL

SIMPANAN : 5.84%

Unit	Sumbangan Takaful Bulanan	Manfaat Kematian		Manfaat TPD		Rider-rider					
		Semulajadi	Kemalangan	Semulajadi	Kemalangan	Penyakit Kritikal Pra-Bayar	Keilatan Spara Kekal Akibat Kemalangan	Manfaat Hospital	Perbelanjaan Serta-merta Kematian		
									Orang Yang Dilindungi	Pasangan	Anak
	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
1	10	25,000	50,000	25,000	50,000	25,000	25,000	25	2,000	2,000	1,000
2	20	50,000	100,000	50,000	100,000	50,000	50,000	50	2,000	2,000	1,000
3	30	75,000	150,000	75,000	150,000	75,000	75,000	75	2,000	2,000	1,000
4	40	100,000	200,000	100,000	200,000	100,000	100,000	100	2,000	2,000	1,000
5	50	125,000	250,000	125,000	250,000	125,000	125,000	125	2,000	2,000	1,000
6	60	150,000	300,000	150,000	300,000	150,000	150,000	150	2,000	2,000	1,000
7	70	175,000	350,000	175,000	350,000	175,000	175,000	175	2,000	2,000	1,000
8	80	200,000	400,000	200,000	400,000	200,000	200,000	200	2,000	2,000	1,000
9	90	225,000	450,000	225,000	450,000	225,000	225,000	225	2,000	2,000	1,000
10	100	250,000	500,000	250,000	500,000	250,000	250,000	250	2,000	2,000	1,000